16.3	<u>TDA melaksanakan pembahagian kumpulan (jika perlu) berdasarkan Senarai Pelajar;</u>
16.4	<u>TDA menyediakan senarai lengkap penempatan LMI pelajar mengikut susunan lokasi sekolah dan penyeliaan;</u>
16.5	<u>TDA mengesahkan penempatan pelajar dalam mesyuarat LMI bagi setiap semester;</u>
16.6	<u>TDA mendapatkan kebenaran daripada KPM, dan Jabatan Pelajaran Negeri;</u>
16.7	<u>SU LMI menghantar surat permohonan kebenaran kepada sekolah dan agensi berkaitan untuk menempatkan pelajar bagi menjalani LMI (Surat ini dilampirkan dengan surat kebenaran dari KPM, JPN dan agensi berkaitan serta senarai nama pelajar yang akan menjalani LMI);</u>
16.8	<u>Dekan/TDA melantik penyelia dan guru pembimbing;</u>
16.9	<u>Dekan/TDA memberi maklumat dan taklimat kepada pelajar mengenai LMI;</u>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 25/27
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP002	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
16.10	<p><u>Dekan/TDA sediakan maklumat yang berkaitan dengan pelajar seperti yang berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>Borang Akuan Latihan Mengajar & Internship (PU/PS/BR31/AJR);</u> (b) <u>Borang Jadual Waktu Latihan Mengajar/Internship (PU/PS/BR12/AJR);</u> (c) <u>Borang Kedatangan Guru Pelatih UPM (PU/PS/BR13/AJR);</u> (d) <u>Borang Rekod Aktiviti Kokurikulum (PU/PS/BR14/AJR);</u> (e) <u>Borang Slip Kedatangan Taklimat LMI (PU/PS/BR15/AJR);</u> (f) <u>Sistem Penggredan UPM;</u> (g) <u>Peranan Guru Pembimbing;</u> (h) <u>Penilaian Teori atau Penilaian Amali atau Penilaian Pendidikan Jasmani atau Penilaian Bimbingan & Kaunseling;</u> (i) <u>Senarai Semak Pelajar LMI (PU/PS/SS02/AJR); dan</u> (j) <u>Buku panduan pelajar LMI.</u>
17.	<p><u>Kriteria Pelantikan Pensyarah/ Penyelia/ Penunjukajar Sambilan</u></p> <p>17.1 <u>Kriteria Pensyarah/ Penyelia Sambilan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>KJ hendaklah memastikan calon mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat sarjana atau setara dalam bidang berkaitan daripada Universiti yang diiktiraf;</u> (ii) <u>KJ hendaklah memastikan calon yang berkerja mendapat kelulusan daripada majikan masing-masing untuk menjadi pensyarah/ penyelia sambilan;</u> (iii) <u>Untuk perlantikan semula, KJ hendaklah memastikan calon membuktikan kemampuan menjalankan tanggungjawab sebagai pensyarah/ penyelia sambilan dengan mendapat markah penilaian pengajaran sekurang-kurangnya skala 4.0 daripada 5.0.</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 26/27
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP002	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
17.2	<p><u>Kriteria Penunjuk Ajar Sambilan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>KJ hendaklah memastikan calon mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat bacelor atau diploma bertaraf profesional atau setara dalam bidang berkaitan daripada Universiti yang diiktiraf;</u> (ii) <u>KJ hendaklah memastikan calon pelajar adalah pelajar berdaftar pada tahun akhir pengajian dan pernah mengikuti kursus berkaitan dengan gred sekurang-kurangnya B+ atau mempunyai sijil profesional dalam bidang berkaitan;</u> (iii) <u>KJ hendaklah memastikan calon yang berkerja mendapat kelulusan daripada majikan masing-masing untuk menjadi penunjuk ajar;</u> (iv) <u>Untuk perlantikan semula, KJ hendaklah memastikan calon membuktikan kemampuan menjalankan tanggungjawab sebagai penunjuk ajar sambilan dengan mendapat markah penilaian sekurang-kurangnya skala 4.0 daripada 5.0.</u>
18.	<p><u>Pelantikan Penyelaras dan Pengajar Kursus</u></p> <p>18.1 <u>Agih tugas pengajaran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>KJ mengagihkan tugas pengajaran di Jabatan enam (6) minggu sebelum semester bermula atau dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula bagi pelantikan pensyarah sambilan (jika perlu);</u> (ii) <u>Pensyarah yang dilantik mestilah mempunyai kelulusan serta kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang akan diajar.</u> <p>18.2 <u>Lulus agihan tugas</u></p> <p><u>KJ meluluskan pengagihan tugas pengajaran di Mesyuarat Jabatan (selewat-lewatnya enam (6) minggu sebelum semester bermula).</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 27/27
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP002	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
18.3	<p><u>Lantikan Penyelaras</u></p> <p><u>KJ melantik penyelaras kursus dan edarkan senarai tugas pengajaran (selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum semester bermula).</u></p>
18.4	<p><u>Lantikan Tutor/Penunjuk Ajar Untuk Tutorial</u></p> <p>(i) <u>KJ melantik pensyarah yang beban mengajar rendah (kurang daripada 12 kredit setahun) untuk mengendalikan kumpulan tutorial.</u></p> <p>(ii) <u>KJ melantik tutor/ penunjuk ajar untuk mengendalikan tutorial, bagi kumpulan pelajar yang mempunyai isu akademik.</u></p>
19.	<p><u>Proses memperbaharui visa pelajar</u></p> <p><u>Jika perlu, Ketua PTJ/TDA mengemukakan surat sokongan kepada i-Putra bagi kehadiran pelajar antarabangsa dalam aktiviti PdP yang kurang daripada 80% untuk tujuan pelajar memperbaharui pas pelajar.</u></p>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 1/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan kepada pensyarah, penasihat akademik dan penyelaras kursus tentang tanggungjawab penasihat akademik, pendaftaran kursus, pengendalian kursus, aktiviti pengajaran (kuliah, tutorial, amali, kuiz, tugas pelajar), penyediaan, pelaksanaan dan pengendalian penilaian, penyediaan kertas soalan/skema jawapan peperiksaan akhir, pemarkahan dan penggredan kursus peperiksaan akhir, semakan GB dan semakan gred, pengendalian pelajar yang mempunyai isu prestasi, pemantauan latihan industri, projek tahun akhir/disertasi, penyeliaan latihan mengajar dan internship (LMI), *continuous quality improvement* (CQI) untuk kursus, amalan ladang dan amali kursus, pengendalian pengajaran dan penilaian kursus berstudio serta pengendalian kuliah dan amali gantian.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN


<u>Arbitrator</u>	:	<u>Wakil yang dilantik oleh Dekan untuk tujuan berkenaan</u>
<u>Dekan</u>	:	<u>Dekan Fakulti/Sekolah</u>
<u>GB</u>	:	<u>Gagal dan diberhentikan</u>
<u>JPSSJ</u>	:	<u>Jawatankuasa Penyemakan Soalan dan Skema Jawapan</u>
<u>FYP</u>	:	<u>Projek Tahun Akhir/Disertasi</u>
<u>KJ</u>	:	<u>Ketua Jabatan termasuk Ketua Program bagi SPE</u>
<u>KPA</u>	:	<u>Ketua Penasihat Akademik</u>
<u>Krit</u>	:	<u>Persembahan lisan oleh pelajar tentang hasil kerjanya kepada pensyarah/panel</u>
<u>Isu Akademik</u>	:	<u>Gagal dalam peperiksaan, kehadiran dalam aktiviti pembelajaran kurang daripada 80%, kesusilapan mendaftar kursus, tidak menghadiri ujian/peperiksaan, tidak membuat/menghantar tugas, PNGK kurang daripada 2.50, ujian kurang daripada 40%/50% (tertakluk kepada markah lulus kursus), tidak menjalankan latihan industri, tidak melengkapkan projek ilmiah tahun akhir, dan ketidakcukupan kredit untuk bergraduasi pada semester akhir pengajian.</u>
<u>Isu Bukan Akademik</u>	:	<u>Isu kesihatan, kewangan, peribadi, dan sebagainya</u>
<u>PA</u>	:	<u>Penasihat Akademik</u>
<u>PdP</u>	:	<u>Pengajaran dan pembelajaran</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 2/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Pengawas</u>	:	<u>Pegawai yang dilantik untuk mengawal selia ujian /peperiksaan</u>
<u>Pensyarah</u>	:	<u>Pensyarah yang mengajar kursus berkenaan</u>
<u>Penilaian</u>	:	<u>Penilaian berterusan yang dilakukan bagi kursus pengajian yang didaftar oleh pelajar dan hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada ujian, tugas, kuiz dan penilaian kerja makmal, kerja lapangan dan praktikum, mengikut mana yang berkenaan.</u>
<u>Peperiksaan</u>	:	<u>Peperiksaan Akhir Semester</u>
<u>PK</u>	:	<u>Penyelaras Kursus</u>
<u>PLI</u>	:	<u>Penyelaras Latihan Industri</u>
<u>PNG</u>	:	<u>Purata Nilai Gred</u>
<u>PNGK</u>	:	<u>Purata Nilai Gred Keseluruhan</u>
<u>PP</u>	:	<u>Pensyarah Pemantau</u>
<u>Program</u>	:	<u>Program Bachelo dan Diploma</u>
<u>Pengajian</u>		
<u>Prasiswazah</u>		
<u>PS</u>	:	<u>Penyelaras Studio</u>
<u>PT PTJ</u>	:	<u>Pegawai Tadbir Pusat Tanggungjawab</u>
<u>SMP</u>	:	<u>Sistem Maklumat Pelajar</u>
<u>TDA</u>	:	<u>Timbalan Dekan (Akademik)</u>
<u>TNC(HEPA)</u>	:	<u>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</u>
<u>Wazan</u>	:	<u>Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen</u>

3.0 PANDUAN


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
1.	<u>Tanggungjawab Penasihat Akademik</u>
1.1	<u>Membantu pelajar memahami kurikulum, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan, pemindahan kredit dan pengecualian kursus, dan semakan kredit untuk bergraduat;</u>
1.2	<u>Meluangkan masa untuk berbincang tentang pelajaran, kerjaya dan sebagainya dengan membuat temu janji terlebih dahulu dengan pelajar tersebut;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 3/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	Tarikh: 29/07/2022
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
1.3	<u>Memantau kemajuan prestasi secara "online" (SMP) dan menasihati pelajar dengan sewajarnya;</u>
1.4	<u>Mengesan dan merujuk seseorang pelajar yang memerlukan perhatian khas, runding cara atau bimbingan kepada seseorang pensyarah yang mengajar atau kaunselor universiti atau pegawai yang berkenaan;</u>
1.5	<u>Memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar secara positif, serta mewujudkan perasaan rasa dihargai di kalangan pelajar di samping membuka peluang untuk mereka mencapai matlamat masing-masing;</u>
1.6	<u>Merekodkan setiap pertemuan dan perbincangan yang diadakan;</u>
1.7	<u>Membantu pelajar menyelesaikan masalah selain akademik, dan jika perlu merujuk perkara tersebut pada pihak tertentu;</u>
1.8	<u>Menyelia projek berkumpulan (pembangunan dan pengembangan);</u>
1.9	<u>Merancang, mengadakan dan memantau aktiviti yang melibatkan semua pelajar di bawah penasihatannya;</u>
1.10	<u>Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Senat untuk membantu kes GB sekiranya diminta;</u>
1.11	<u>Mengaktifkan pendaftaran kursus pelajar di bawah seliaan selepas pelajar berbincang dengan PA melalui SMP pada minggu pendaftaran kursus;</u>
1.12	<u>Mengesahkan pendaftaran kursus pelajar di SMP-Modul Pendaftaran Kursus.</u>
2.	<u>Pendaftaran Kursus</u>
2.1	<u>Pelajar Baharu:</u>
	(i) <u>PA menerima senarai pelajar baharu untuk penasihatan akademik daripada TDA/KPA;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 4/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(ii) <u>Pelajar baharu dibenarkan membuat pendaftaran kursus mulai hari pertama minggu suai kenal hingga hari terakhir minggu kedua (2) semester atau mengikut tarikh surat tawaran dan tempoh pendaftaran yang ditetapkan;</u></p> <p>(iii) <u>PA memaklumkan pelajar baharu berkenaan waktu perjumpaan untuk urusan pendaftaran kursus;</u></p> <p>(iv) <u>PA perlu berjumpa dengan pelajar sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk menasihati pelajar berkenaan program pengajian dan juga apa-apa perkara lain yang berkaitan termasuk bukan akademik;</u></p> <p>(v) <u>Pendaftaran kursus bagi pelajar baharu dibuat secara berpakej di mana kursus yang didaftar secara auto adalah merupakan kursus semester pertama yang disenaraikan mengikut skema/pelan pengajian. PA perlu memaklumkan TDA jika terdapat kursus yang perlu didaftar oleh pelajar tiada dalam pendaftaran berpakej;</u></p> <p>(vi) <u>Pensyarah perlu memastikan pelajar baharu mendaftar sekurang-kurangnya 12 kredit;</u></p> <p>(vii) <u>Jika pendaftaran kursus melebihi 20 jam kredit, nasihatkan pelajar untuk mendapatkan kelulusan Dekan melalui SMP.</u></p> <p>2.2 <u>Pelajar Lama:</u></p> <p>(i) <u>Pelajar lama dibenarkan membuat pendaftaran kursus mulai hari pertama minggu ke-12 hingga hari terakhir minggu ke-14 semester sebelumnya;</u></p> <p>(ii) <u>PA memantau dan membimbing pelajar untuk membuat pendaftaran jika perlu;</u></p> <p>(iii) <u>PA memaklumkan pelajar berkenaan waktu perjumpaan untuk urusan pendaftaran kursus;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 5/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(iv) <u>PA memberi kebenaran kepada pelajar untuk mendaftar secara dalam talian;</u></p> <p>(v) <u>PA perlu berjumpa dengan pelajar sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk menasihati pelajar berkenaan program pengajian dan juga apa-apa perkara lain yang berkaitan termasuk bukan akademik;</u></p> <p>(vi) <u>Pensyarah perlu memastikan pelajar lama mendaftar sekurang-kurangnya 12 kredit setiap semester kecuali pelajar yang berada pada semester akhir atau pada semester kedua terakhir sebelum semester Latihan Industri;</u></p> <p>(vii) <u>Jika pendaftaran kursus melebihi 20 jam kredit, nasihatkan pelajar untuk mendapatkan kelulusan Dekan melalui SMP.</u></p>
3.	<u>Pengendalian Kursus</u>
3.1	<p style="text-align: center;"><u>Sedia Rancangan Pengajaran</u></p> <p><u>Sediakan rancangan pengajaran melalui SMP yang digunakan untuk kursus yang ditugaskan berpandukan rangka kursus, tarikh ujian dan peperiksaan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum semester bermula.</u></p>
3.2	<p style="text-align: center;"><u>Sediakan Rancangan Penaksiran</u></p> <p><u>Sediakan rancangan penaksiran pada minggu ke-4 berpandukan julat peratus penaksiran terkini yang diluluskan Senat.</u></p>
3.3	<p style="text-align: center;"><u>Dapatkan kelulusan KJ atas perubahan Rancangan Pengajaran dan Rancangan Penaksiran (Jika berkaitan);</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 6/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	Tarikh: 29/07/2022
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH		


Bil	Tindakan
3.4	<p><u>Sediakan fail kursus</u></p> <p><u>Sediakan fail kursus UPM.(Kod PTJ).600-4/30/2 (Kod Kursus) sama ada dalam bentuk fizikal atau digital selewat-lewatnya pada minggu kedua semester semasa dan semak senarai rekod seperti berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Kertas Soalan Penilaian 1 dan Skema Jawapan (Jika berkaitan)</u> • <u>Kertas Soalan Penilaian 2 dan Skema Jawapan (Jika berkaitan)</u> • <u>Kertas Soalan Peperiksaan Akhir dan Skema Jawapan yang telah dimoderasi/disemak</u> • <u>Senarai markah dan gred Peperiksaan Akhir (Rujuk SMP dan Hi-Staf)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) (Kuliah dan Amali)/(Rujuk SMP)</u> • <u>Soalan Kuiz (Rujuk Putra Blast) (Jika berkaitan)</u> • <u>Senarai Tugas Pelajar (Jika berkaitan)</u> • <u>Markah Tugas (Jika berkaitan) (Rujuk SMP)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Ujian 1)/Rujuk SMP</u> • <u>Rekod markah Ujian (Rujuk SMP dan Hi-Staf)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Penilaian Berterusan)/Rujuk SMP (Jika berkaitan)</u> • <u>Rekod markah Penilaian Berterusan (Rujuk SMP) (Jika berkaitan)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Peperiksaan Akhir)/Rujuk SMP</u> • <u>Notis atau catatan makluman secara lisan kuliah/amali gantian (Jika berkaitan)</u> • <u>Senarai Kehadiran kuliah/amali gantian (Jika berkaitan)</u> • <u>Borang Penilaian Pensyarah Jemputan/ Penunjukajar (PU/PS/ BR05/AJR) (Jika Berkaitan)</u> • <u>Surat-surat berkaitan (Jika berkaitan)</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 7/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
4.	<u>Aktiviti Pengajaran (Kuliah, Tutorial, Amali, Kuiz, Tugas Pelajar)</u>
4.1	<u>Sediakan senarai bahan dan peralatan pengajaran dan amali selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum semester bermula bagi pembelian bahan dan peralatan pengajaran yang memerlukan proses pembelian atau sediakan senarai bahan dan peralatan pengajaran dan amali selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum sesi pengajaran/amali bermula (Lengkapkan Borang Penyediaan Peralatan dan Bahan Amali (PU/PS/BR02/AJR);</u>
4.2	<u>Muat naik bahan pengajaran (nota kuliah) dalam PutraBLAST;</u>
4.3	<u>Laksanakan pengajaran mengikut jadual kuliah yang ditetapkan mengikut rancangan pengajaran kursus;</u>
4.4	<u>Rekodkan kehadiran pelajar dalam Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR) atau muat turun melalui SMP (Rujuk: http://www.smp.upm.edu.my) bagi semua aktiviti pengajaran;</u>
4.5	<u>Edarkan rancangan pengajaran kursus kepada pelajar yang mendaftar kursus dalam kuliah pertama semester bermula;</u>
4.6	<u>Pastikan Penilaian Pengajaran dalam talian dilaksanakan oleh pelajar dalam minggu ke-10 hingga minggu ke-14. Rujuk Putra Learning Hub http://www.learninghub.upm.edu.my/ta;</u>
4.7	<u>Ambil tindakan pencegahan terhadap pelajar yang mempunyai isu akademik berdasarkan rekod kehadiran dan prestasi penilaian ujian berterusan termasuk ujian 1, selewat-lewatnya pada minggu ke lapan (8);</u>
4.8	<u>Laksanakan dan rekod aktiviti pengajaran gantian pada tarikh, masa dan di tempat yang telah ditetapkan mengikut persetujuan semua pelajar;</u>
4.9	<u>Buat penilaian terhadap penunjuk ajar. (Rujuk: Borang Penilaian Penceramah Jemputan/ Penunjuk Ajar (PU/PS/BR05/AJR)).</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 8/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
5.	<p><u>Penyediaan, Pelaksanaan Dan Pengendalian Penilaian</u></p> <p><u>Rujuk Rangka Kursus:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Tentukan bentuk penilaian kepada pelajar. Jika bentuk penilaian adalah ujian, rancang dan tentukan tarikh dan tempat ujian;</u> (ii) <u>Maklumkan kepada pelajar tarikh, masa dan tempat ujian dijalankan;</u> (iii) <u>Sediakan soalan dan skema jawapan selewat-lewatnya lima (5) hari sebelum ujian dilaksanakan;</u> (iv) <u>Pastikan keselamatan soalan dan skema jawapan supaya tidak berlaku kebocoran;</u> (v) <u>Tentukan sama ada ujian berkenaan memerlukan bantuan pengawas;</u> (vi) <u>Bawa bersama kertas soalan dan segala keperluan ujian ke tempat ujian, dalam tempoh satu (1) jam sebelum ujian bermula. (Rujuk: Garis Panduan Peperiksaan dalam web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik);</u> (vii) <u>Rekod dan sahkan kehadiran pelajar dengan berpandukan kad matrik/kad pengenalan dan senarai SMP [Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR)];</u> (viii) <u>Pantau perjalanan pelaksanaan ujian dan jika didapati pelajar meniru, rujuk Perenggan 56(g) Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014);</u> (ix) <u>Jika pelajar tidak hadir, dapatkan alasan daripada pelajar. (Contoh munasabah: Masalah kesihatan, kematian waris dan kemalangan). Jika munasabah, laksanakan ujian gantian. Tetapkan tarikh ujian gantian setelah berbincang dengan pelajar. Sediakan kertas soalan dan skema jawapan ujian gantian dan laksanakan ujian gantian;</u> (x) <u>Jika pelajar tidak hadir dan alasan tidak munasabah, berikan markah sifar;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 9/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(xi) <u>Periksa buku jawapan dan beri markah berpandukan skema jawapan;</u></p> <p>(xii) <u>Simpan satu (1) salinan kertas ujian dan skema jawapan dalam fail kursus selepas urusan pemeriksaan tamat;</u></p> <p>(xiii) <u>Rekodkan markah penilaian setiap pelajar dalam senarai markah penilaian dan masukkan markah penilaian dalam SMP seperti berikut:</u></p> <p style="padding-left: 40px;">(a) <u>Penilaian 1 – selewat-lewatnya minggu ketujuh;</u></p> <p style="padding-left: 40px;">(b) <u>Penilaian 2 (jika ada) dan penilaian berterusan – selewat-lewatnya hari Khamis minggu ke-15.</u></p>
6.	<p><u>Penyediaan Kertas Soalan/Skema Jawapan Peperiksaan Akhir</u></p>
6.1	<p><u>Sediakan dua (2) set (set pilihan dan set simpanan) kertas soalan dan skema jawapan yang berbeza dalam dwibahasa bagi setiap kursus kecuali bagi kursus bahasa dengan merujuk silibus kursus berkenaan selewat-lewatnya pada minggu ke-10.</u></p> <p><u>Bagi pensyarah yang dilantik sebagai penyelaras kursus:</u></p> <p>(i) <u>Sekiranya kursus melibatkan lebih daripada seorang (1) pensyarah buat moderasi kertas soalan dan skema jawapan;</u></p> <p>(ii) <u>Laksana moderasi kertas soalan dan skema jawapan melalui perbincangan bersama pensyarah berkaitan yang perlu mengambil kira keseimbangan soalan mengikut silibus, kesesuaian dan kejelasan soalan, dan ketepatan skema jawapan;</u></p> <p>(iii) <u>Rekodkan hasil perbincangan dengan menggunakan Senarai Semak Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (PU/PS/SS01/PEP) dan serahkan senarai semak berkenaan kepada KJ untuk mendapat pengesahan;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 10/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(iv) <u>Jika ada perbezaan pendapat yang tidak dapat diselesaikan antara penyelaras kursus dengan pensyarah kursus, lantik seorang arbitrator untuk menangani masalah tersebut;</u></p> <p>(v) <u>Sedia dan serah kertas soalan/skema jawapan yang telah dimoderasi kepada KJ.</u></p>
6.2	<u>Sekiranya ada pindaan, pinda kertas soalan dan skema jawapan peperiksaan akhir berdasarkan cadangan JPSSJ pada minggu ke-12;</u>
6.3	<u>Sedia dan serah semula kertas soalan/skema jawapan yang telah dipinda kepada KJ untuk pengesahan;</u>
6.4	<u>Serah Kertas Soalan dan Borang Permohonan Mencetak Kertas Soalan dan Keperluan Peperiksaan (PU/PS/BR01/PEP) kepada PT PTJ;</u>
6.5	<u>Pastikan keselamatan soalan dan skema jawapan supaya tidak berlaku kebocoran;</u>
6.6	<u>Tentukan sama ada peperiksaan akhir berkenaan memerlukan bantuan pengawas;</u>
6.7	<u>Bawa bersama kertas soalan dan segala keperluan peperiksaan ke tempat peperiksaan, dalam tempoh satu (1) jam sebelum peperiksaan bermula. (Rujuk: Garis Panduan Peperiksaan dalam web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik);</u>
6.8	<u>Rekod dan sahkan kehadiran pelajar dengan berpandukan kad matrik/kad pengenalan dan senarai SMP [Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR)];</u>
6.9	<u>Pantau perjalanan pelaksanaan peperiksaan dan jika didapati pelajar meniru, rujuk Perenggan 56(g) Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014);</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 11/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
6.10	<u>Jika pelajar tidak hadir, dapatkan alasan daripada pelajar. (Contoh munasabah: masalah kesihatan, kematian waris, dan kemalangan). Jika munasabah, laksanakan peperiksaan gantian dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh peperiksaan asal atau sebelum semester berikutnya bermula. Tetapkan tarikh peperiksaan gantian setelah berbincang dengan pelajar. Sediakan kertas soalan dan skema jawapan peperiksaan gantian dan laksanakan peperiksaan gantian;</u>
6.11	<u>Jika pelajar tidak hadir untuk peperiksaan gantian tanpa alasan munasabah, berikan markah sifar;</u>
6.12	<u>Periksa buku jawapan, beri markah berpandukan skema jawapan dan rekodkan markah menggunakan pen berdakwat kekal dan penggunaan pensil adalah tidak dibenarkan;</u>
6.13	<u>Simpan satu salinan kertas peperiksaan dan skema jawapan dalam fail kursus selepas urusan pemeriksaan tamat.</u> <u>Nota:</u> <u>Kertas peperiksaan dan skema jawapan perlu disimpan dalam dua (2) semester.</u>
7.	<u>Pemarkahan Dan Penggredan Kursus Peperiksaan Akhir</u>
7.1	<u>Bagi pensyarah yang dilantik sebagai penyelaras kursus, buat moderasi pemarkahan untuk memenuhi keperluan berikut:</u> (i) <u>Pemarkahan seragam mengikut skema jawapan dan peratus pemarkahan yang sama seperti yang telah ditetapkan;</u> (ii) <u>Taburan gred normal atau hampir normal.</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 12/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
7.2	<p><u>Masukkan markah penilaian ke dalam SMP selewat-lewatnya 10 (sepuluh) hari bagi semester pertama/14 (empat belas) hari bagi semester kedua selepas tarikh peperiksaan akhir setiap kursus berkenaan. (Sekiranya terdapat perubahan dalam pemberian markah disebabkan faktor lain, sila catatkan perkara berkenaan di skrip jawapan/tugasan/mana-mana senarai markah selain daripada cetakan SMP. Sila pastikan markah/gred yang dicatatkan di skrip jawapan/tugasan/mana-mana senarai markah selain daripada cetakan SMP adalah sama dengan markah/gred yang dimasukkan dalam SMP);</u></p> <p><u>Nota:</u> <u>Tempoh masuk markah Semester 3 adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh PYB BAKD berdasarkan tarikh Mesyuarat Senat.</u></p>
7.3	<u>Cetak markah dan gred berserta laporan statistik (bagi program bachelordiploma) dari SMP, dan serahkan kepada KJ untuk disahkan;</u>
7.4	<u>Buat pindaan markah seperti yang diminta oleh MSKP Fakulti (sekiranya ada).</u>
8.	<u>Semakan GB dan Semakan Gred</u>
8.1	<p><u>Jika permohonan semakan GB:</u></p> <p>(i) <u>Pensyarah kursus menerima permohonan semakan GB secara dalam talian yang telah lengkap diisi;</u></p> <p>(ii) <u>Semak pemarkahan bagi kertas jawapan peperiksaan akhir dan pengiraan markah secara keseluruhan bagi semua penilaian. Jika didapati kesilapan dalam pemarkahan kertas jawapan pemohon, buat semakan yang sama ke atas kertas jawapan pelajar lain dalam kumpulan kursus berkenaan;</u></p> <p>(iii) <u>Buat pindaan jika berkaitan atau kekalkan gred dalam SMP selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja dari tarikh Senat mengesahkan keputusan permohonan semakan GB.</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 13/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
8.2	<p><u>Jika permohonan semakan gred:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Pensyarah kursus menerima permohonan semakan gred pelajar secara dalam talian yang telah lengkap diisi;</u> (ii) <u>Semak pemarkahan bagi kertas jawapan peperiksaan akhir dan pengiraan markah secara keseluruhan bagi semua penilaian. Jika didapati kesilapan dalam pemarkahan kertas jawapan pemohon, buat semakan yang sama ke atas kertas jawapan pelajar lain dalam kumpulan kursus berkenaan;</u> (iii) <u>Buat pindaan jika berkaitan atau kekalkan gred dalam SMP selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja dari tarikh Mesyuarat JKSS meluluskan keputusan permohonan semakan gred.</u>
9.	<p><u>Pengendalian Pelajar Yang Mempunyai Isu Prestasi</u></p>
9.1	<p><u>Kenal pasti isu pelajar</u></p> <p><u>Pensyarah hendaklah mengenal pasti isu pelajar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Isu Akademik</u> (ii) <u>Isu Bukan Akademik</u> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>Minta pelajar rujuk kepada PTJ berpandukan kepada isu seperti berikut:</u> <ul style="list-style-type: none"> i. <u>Isu peribadi rujuk ke PTJ yang menguruskan kaunseling pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA);</u> ii. <u>Isu kesihatan rujuk ke Pusat Kesihatan Universiti;</u> iii. <u>Isu kewangan rujuk ke PTJ yang menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA)/Wazan;</u> iv. <u>Isu lain rujuk kepada Ketua PTJ.</u> (b) <u>Rekodkan perbincangan dengan pelajar dan lengkapkan Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/PEP);</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 14/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
9.2	PK/Pensyarah menyediakan senarai pelajar yang mempunyai isu prestasi untuk diserahkan kepada PA;
9.3	PK/Pensyarah/PA berbincang dengan pelajar untuk mengenal pasti punca masalah yang dihadapi dan beri khidmat nasihat yang bersesuaian. Catatkan ringkasan perbincangan dalam Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/ PEP) atau secara online dalam SMP Modul Sistem Penasihat Akademik. Jika pelajar tidak datang selepas dipanggil dan diberi peringatan pelajar dianggap tidak berminat mendapat pertolongan. Catat dalam Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/ PEP).
10.	<u>Pemantauan Latihan Industri</u>
10.1	Terima surat lantikan sebagai pensyarah pemantau;
10.2	Laksana pemantauan terhadap pelajar di industri/organisasi;
10.3	Laksana penilaian pemantauan terhadap pelajar di industri/organisasi dan serahkan kepada PLI;
10.4	Masukkan markah latihan industri selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas semester berikutnya bermula.
11.	<u>Projek Tahun Akhir/Disertasi</u>
	Sedia Tajuk Projek
11.1	Pensyarah menyediakan tajuk atau bidang Disertasi/Projek Bachelo selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum semester bermula;
11.2	Pensyarah menyerahkan tajuk atau bidang kepada PK selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum semester bermula;

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 15/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
11.3	<u>PK mengedar/mempamer senarai tajuk kepada pelajar selewat-lewatnya minggu pertama (1) semester bermula;</u>
11.4	<u>PK menerima tajuk/bidang daripada pelajar mulai minggu pertama (1) sehingga minggu kedua (2) semester. (Rujuk: Borang Pendaftaran Projek Ilmiah Tahun Akhir (PU/PS/BR06/AJR)).</u>
	<u>Agih Penyelia dan Pelajar</u>
11.5	<u>PK mengagihkan projek pelajar dan melantik penyelia berdasarkan bidang kepakaran pensyarah/penyelia Disertasi/Projek Bacelor;</u>
11.6	<u>PK mengumumkan keputusan pengagihan pelajar selewat-lewatnya minggu ketiga (3) semester;</u>
11.7	<u>PK melantik penilai projek pelajar berdasarkan bidang kepakaran pensyarah jika perlu.</u>
	<u>Laksana Projek</u>
11.8	<u>PK mengedar Buku Panduan Disertasi/Projek Bacelor Fakulti kepada pelajar semasa menerima Borang Pendaftaran Disertasi/Projek Bacelor (jika ada);</u>
11.9	<u>Penyelia membincangkan cadangan projek dengan pelajar dan mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan jika perlu;</u>
11.10	<u>PK memastikan pelajar menyediakan dan mengemukakan cadangan Disertasi/Projek Bacelor kepada Jabatan/Fakulti sebelum memulakan Disertasi/Projek Bacelor;</u>
11.11	<u>Penyelia memastikan pelajar melaksanakan projek mengikut perancangan yang dipersetujui oleh penyelia;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 17/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p><u>Buat Penilaian</u></p> <p>11.23 <u>Penyelia/PK Penyelia membuat penilaian dan gredkan laporan Disertasi/Projek Bachelor (Rujuk: Borang Pemarkahan Disertasi/Projek Bachelor (PU/PS/BR038/AJR) dan hantar kepada PK mengikut tarikh yang ditetapkan oleh fakulti.</u></p> <p><u>Semak Penilaian</u></p> <p>11.24 <u>PK menyemak laporan berdasarkan penilaian yang diberikan oleh penyelia;</u></p> <p>11.25 <u>PK memberikan markah/gred keseluruhan Disertasi/Projek Bachelor;</u></p> <p>11.26 <u>PK memastikan jumlah markah akhir betul.</u></p> <p><u>Rekod Markah</u></p> <p>11.27 <u>PK merekodkan markah/gred laporan akhir Disertasi/Projek Bachelor dalam SMP selewat-lewatnya hari terakhir tempoh kemasukan markah (Rujuk: Perenggan 5 (xiii)).</u></p> <p><u>Terima Laporan Akhir</u></p> <p>11.28 <u>Terima laporan Disertasi/Projek Bachelor yang telah dijilid dan rekodkan penerimaan laporan menggunakan Borang Penerimaan Bahan Hasil Pelajar (PU/PS/BR28/AJR).</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 18/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
12.	<p style="text-align: center;"><u>Penyeliaan Latihan Mengajar dan Internship (LMI)</u></p> <p><u>Sebelum Penyeliaan</u></p> <p>12.1 <u>Lengkapkan diri dengan pengetahuan tentang sistem penyeliaan, tatacara penyeliaan, peraturan mengajar, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta sistem persekolahan. Langkah ini boleh dilakukan dengan membuat tinjauan atas bahan bacaan berkaitan, mengikuti bengkel latihan mengajar, bertanya rakan sejawat dan menghadiri taklimat penyelia;</u></p> <p>12.2 <u>Merangka dan menyediakan jadual penyeliaan dan maklumat penting seperti mendapatkan senarai penempatan pelatih yang akan diselia dan jadual waktu pelatih. Bahan ini boleh didapati daripada pihak Urus Setia LMI;</u></p> <p>12.3 <u>Menyeliasa pelatih pada hari, masa dan tempat mengikut jadual penyeliaan yang telah disediakan. Sebelum hadir ke sekolah bagi tujuan penyeliaan, penyelia diminta memaklumkan pihak sekolah terlebih dahulu. Pada hari pertama penyelia pergi ke sesebuah sekolah untuk menyelia pelatih seliaannya, penyelia berkenaan disyorkan menemui Pengetua/Penolong Kanan terlebih dahulu untuk memperkenalkan diri. Sebelum penyeliaan dimulakan, penyelia hendaklah memastikan pelatih menyediakan persediaan mengajar untuk semua waktu pengajaran yang dilakukan pada hari itu. Penyelia digalakkan menemui pelatih untuk berbincang dan beramah mesra dan memberi taklimat ringkas kepada Pengetua/Guru Besar sekolah dan guru pembimbing.</u></p> <p><u>Semasa Penyeliaan</u></p> <p>12.4 <u>Seseorang penyelia harus menjalankan dua tindakan penting, iaitu membuat pemerhatian dan membuat catatan tentang pemerhatiannya terhadap perkara yang dilakukan oleh guru pelatih. Penyelia dikehendaki sentiasa menyemak persediaan mengajar yang disediakan oleh guru pelatih dan menjadikannya rujukan penting sepanjang masa penyeliaan;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 19/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	Tarikh: 29/07/2022
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH		


Bil	Tindakan
12.5	<p><u>Memerhati dan mencatat perkara yang dilakukan oleh guru pelatih dengan teliti. Antara perkara penting yang perlu diberi tumpuan ialah induksi set, cara penyampaian, teknik penyzoalan, kesimpulan, penilaian dan personaliti pelatih. Penyelia perlu mencatat hasil pemerhatiannya dalam borang Laporan Latihan Mengajar & Internship yang disediakan. Penyelia diingatkan supaya tidak menegur atau membuat sebarang ulasan semasa guru pelatih sedang mengajar;</u></p>
12.6	<p><u>Penyelia hendaklah menyelia dari awal hingga akhir setiap waktu pengajaran. Penyelia tidak dibenar meninggalkan bilik darjah sebelum guru menyelesaikan pengajarannya.</u></p> <p><u>Selepas Penyeliaan</u></p>
12.7	<p><u>Penyelia hendaklah berbincang dengan pelatih tentang pengajarannya. Perbincangan selepas pengajaran amat penting untuk menolong pelatih mempertingkatkan kualiti pengajarannya. Semasa mengadakan perbincangan, penyelia hendaklah memberi peluang kepada pelatih untuk memberikan pandangan dan penilaiannya sendiri;</u></p>
12.8	<p><u>Penyelia hendaklah menyerahkan laporan asal Latihan Mengajar & Internship yang telah diisi dengan lengkap kepada pelatih selepas setiap sesi penyeliaan atau sebelum penyelia meninggalkan sekolah pada hari berkenaan. Manakala borang pemarkahan perlu diserahkan kepada pihak Urus Setia LMI dengan kadar segera sebaik sahaja tamat penyeliaan (kali kedua);</u></p>
12.9	<p><u>Penyelia dikehendaki memberikan penilaian secara kuantitatif terhadap pengajaran pelatih. Penilaian ini hendaklah dilakukan dengan mengisi borang penilaian yang disediakan. Penyelia major dan penyelia tumpuan kedua boleh memberitahu pelatih yang diselia tentang gred yang diperolehi selepas selesai penyeliaan kali pertama. Tetapi keputusan gred akhir tidak boleh diketahui oleh pelajar sebelum mesyuarat penyelarasan gred Jawatankuasa LMI.</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 20/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
13.	<p><u>Continuous quality improvement (CQI) untuk kursus</u></p> <p><u>Pensyarah perlu membuat refleksi berkenaan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus berdasarkan pencapaian pelajar dalam hasil pembelajaran kursus dan merangka penambahbaikan atau mencadangkan penambahbaikan dalam Rancangan Pengajaran untuk PdP kursus berkenaan pada masa akan datang. Sebagai contoh penekanan dalam aspek tertentu yang perlu diberikan seperti amali untuk meningkatkan psikomotor atau projek berkumpulan untuk meningkatkan kemahiran kerja berpasukan.</u></p>
14.	<p><u>Amalan Ladang Dan Amali Kursus</u></p> <p>14.1 <u>Lengkapkan rancangan pengajaran dua (2) minggu sebelum semester bermula;</u></p> <p>14.2 <u>Edarkan Jadual Aktiviti Amalan Ladang kepada pelajar yang berkenaan pada minggu pertama (1) semester;</u></p> <p>14.3 <u>Rekodkan kehadiran penunjuk ajar sekiranya diperlukan;</u></p> <p>14.4 <u>Buat penilaian pengajaran dalam talian sebelum minggu peperiksaan akhir mengikut rancangan pengajaran;</u></p> <p>14.5 <u>Pantau dan sahkan pelaksanaan pengajaran pada minggu ketujuh (7) dan minggu ke sebelas;</u></p> <p>14.6 <u>Buat tindakan pencegahan terhadap pelajar yang mempunyai isu akademik berdasarkan rekod kehadiran dan prestasi penilaian 1;</u></p> <p>14.7 <u>Buat tindakan pembetulan jika didapati pengajaran tidak dijalankan mengikut jadual dan perancangan;</u></p> <p>14.8 <u>Buat penilaian ke atas pelajar (laporan, kuiz, kerja ladang) sekiranya perlu;</u></p> <p>14.9 <u>Masukkan markah dalam SMP (Rujuk: Perenggan 5 (xiii)).</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 21/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
15.	<p><u>Pengendalian Pengajaran Dan Penilaian Kursus Berstudio</u></p> <p>15.1 <u>Sediakan bahan pengajaran studio selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum sesi pengajaran studio;</u></p> <p>15.2 <u>Edarkan rangka kursus dan beri taklimat kepada pelajar tentang peraturan studio/huraian tugas/projek studio/lawatan tapak kajian/kaedah penilaian kursus/penilaian portfolio (jika berkaitan);</u></p> <p>15.3 <u>Selia pelaksanaan pembentangan dan krit hasil kerja pelajar dan rekodkan kehadiran pelajar dalam SMP/Borang Kehadiran Pelajar (Rujuk: PU/PS/BR03/AJR). Jika pelajar tidak hadir tentukan tindakan pembetulan yang sesuai;</u></p> <p>15.4 <u>Semak pelaksanaan studio (selewat-lewatnya minggu ketujuh (7) untuk mengenal pasti perkara seperti kehadiran pelajar direkodkan, jadual tugas/projek studio diikuti, rancangan pengajaran dan penilaian pengajaran dijalankan;</u></p> <p>15.5 <u>Jika hasil semakan didapati tidak memuaskan ambil tindakan pembetulan sewajarnya;</u></p> <p>15.6 <u>Terima hasil kerja studio/laporan lawatan (jika berkaitan) yang telah dijalankan oleh pelajar pada masa yang telah ditetapkan;</u></p> <p>15.7 <u>Dapatkan tunjuk sebab daripada pelajar terhadap kegagalan menghantar hasil kerja studio/laporan lawatan pada masa yang ditetapkan, dan ambil tindakan sewajarnya;</u></p> <p>15.8 <u>Kendalikan penilaian kursus hasil kerja studio/laporan lawatan seperti berikut:</u></p> <p style="padding-left: 40px;">(i) <u>Sediakan skema dan kriteria pemarkahan;</u></p> <p style="padding-left: 40px;">(ii) <u>Kenal pasti dan lantik panel penilai (jika perlu);</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 22/23
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
16.	<p>(iii) <u>Pamerkan markah dalam masa yang ditetapkan selepas menerima atau pembentangan hasil kerja;</u></p> <p>(iv) <u>Lengkapkan Borang Pengendalian Prestasi Pelajar (Studio) (Untuk Prestasi Penilaian Peringkat Awal) (PU/PS/BR24/AJR) selewatnya minggu ketujuh (7);</u></p> <p>(v) <u>Masukkan markah dalam SMP (Rujuk: Perenggan 5 (xiii)). Cetak senarai pelajar dengan markah penilaian dan peperiksaan akhir.</u></p> <p><u>Pengendalian Kuliah dan Amali Gantian</u></p> <p>16.1 <u>Rancang Kuliah/Amali (Gantian)</u></p> <p>(i) <u>Rancang tarikh, masa dan tempat untuk menjalankan kuliah/amali gantian;</u></p> <p>(ii) <u>Semak dengan pelajar supaya tidak berlaku pertindihan jadual pelajar;</u></p> <p>(iii) <u>Dapatkan dewan kuliah/makmal untuk menjalankan kuliah/ amali gantian;</u></p> <p>(iv) <u>Buat tempahan dewan kuliah/makmal (Borang Tempahan Dewan/Bilik/ Ruang dan Makmal - PU/PS/ BR06/PEP) jika perlu.</u></p> <p>16.2 <u>Keluarkan Notis Kepada Pelajar</u></p> <p>(i) <u>Tetapkan tarikh aktiviti pengajaran gantian pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan mengikut persetujuan semua pelajar;</u></p> <p>(ii) <u>Keluarkan notis kuliah/amali gantian selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja sebelum kuliah/amali gantian dijalankan. Notis boleh disampaikan melalui papan kenyataan jabatan/fakulti atau secara lisan. Buat catatan menyatakan notis dibuat secara lisan atau secara elektronik. Simpan bukti notis yang dikeluarkan secara elektronik (e-mel, pesanan ringkas dan sebagainya).</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 23/23
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP003	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PENSYARAH

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
16.3	<u>Laksanakan Kuliah/Amali Gantian</u> (i) <u>Laksanakan kuliah/amali gantian pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan;</u> (ii) <u>Rekodkan kehadiran pelajar dalam SMP atau Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR);</u> (iii) <u>Pantau kehadiran pelajar ke kuliah selaras dengan pemantauan pelajar yang mempunyai isu akademik pada minggu ketujuh (7). Semua kuliah/amali perlu diselesaikan sebelum minggu ke-14.</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 1/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

1.0 TUJUAN


Garis Panduan ini bertujuan menerangkan kepada pelajar prasiswazah UPM (kecuali Doktor Perubatan) tentang tanggungjawab pelajar, pendaftaran kursus, jadual waktu kuliah dan amali, latihan industri, latihan mengajar, latihan klinikal veterinar, penilaian berterusan dan panduan peperiksaan kepada pelajar.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

<u>BHEP</u>	: <u>Bahagian Hal Ehwal Pelajar</u>
<u>BK</u>	: <u>Bahagian Kemasukan</u>
<u>BK & BAKD</u>	: <u>Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>CALC</u>	: <u>Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa</u>
<u>CIEP</u>	: <u><i>Certified Intensive English Programme</i></u>
<u>Dekan</u>	: <u>Dekan Fakulti/Sekolah</u>
<u>Fakulti</u>	: <u>Merujuk kepada Fakulti/Sekolah yang menawarkan program pengajian</u>
<u>GB</u>	: <u>Gagal dan Diberhentikan</u>
<u>Hutang</u>	: <u>Termasuk yuran, penalti, kenaaan denda atau apa-apa bayaran yang perlu dijelaskan kepada UPM</u>
<u>IELTS</u>	: <u><i>International English Language Testing System</i></u>
<u>JWKA</u>	: <u>Jadual Waktu Kuliah dan Amali</u>
<u>JWP</u>	: <u>Jadual Waktu Peperiksaan Akhir</u>
<u>KBAKD</u>	: <u>Ketua Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>KJ</u>	: <u>Ketua Jabatan</u>
<u>KPA</u>	: <u>Ketua Penasihat Akademik</u>
<u>KULIF</u>	: <u>Ketua Unit Latihan Industri Fakulti</u>
<u>LI</u>	: <u>Latihan Industri</u>



	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 2/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

<u>MUET</u>	: <u>Malaysian University English Test</u>
<u>PA</u>	: <u>Penasihat Akademik</u>
<u>Pelajar Baharu</u>	: <u>Pelajar Semester Pertama</u>
<u>Pelajar Lama</u>	: <u>Pelajar Semester Kedua dan berikutnya</u>
<u>Pelajar</u>	: <u>Pelajar baharu dan pelajar lama</u>
<u>PNG</u>	: <u>Purata Nilai Gred</u>
<u>PNGK</u>	: <u>Purata Nilai Gred Keseluruhan</u>
<u>PTE</u>	: <u>Pearson Test of English</u>
<u>Putra Perkasa</u>	: <u>Minggu orientasi untuk pelajar baharu prasiswazah</u>
<u>SMP</u>	: <u>Sistem Maklumat Pelajar</u>
<u>SPA</u>	: <u>Sistem Penasihat Akademik</u>
<u>TDA</u>	: <u>Timbalan Dekan (Akademik)</u>
<u>TOEFL</u>	: <u>Test of English as a Foreign Language</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 3/21
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
		Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR		

3.0 PANDUAN


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
1.	<p><u>Tanggungjawab Pelajar</u></p> <p>1.1 <u>Pelajar mendapatkan nama PA di fakulti masing-masing. Pelajar yang masih tidak mempunyai PA perlu merujuk kepada KPA (TDA atau Pensyarah yang dilantik sebagai KPA fakulti masing-masing);</u></p> <p>1.2 <u>Pelajar perlu membuat temu janji terlebih dahulu dengan PA masing-masing untuk berbincang tentang pelajaran, kerjaya dan sebagainya;</u></p> <p>1.3 <u>Pelajar dikehendaki berbincang dan mendapat persetujuan PA mengenai pendaftaran atau perubahan kursus pada setiap semester;</u></p> <p>1.4 <u>Pelajar perlu menemui PA sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk membincangkan urusan pendaftaran dan kemajuan prestasi akademik;</u></p> <p>1.5 <u>Pelajar perlu mendapatkan nasihat, pandangan atau buah fikiran PA mengenai perkara akademik mahupun peribadi. Temui PA pada bila-bila masa sepanjang pengajian pelajar di universiti ini;</u></p> <p>1.6 <u>Pelajar membuat permohonan kepada pihak TDA/KPA fakulti jika ingin bertukar PA atau memaklumkan kepada pihak fakulti PA sekiranya PA tidak dapat dihubungi;</u></p> <p>1.7 <u>Pelajar perlu memastikan sekurang-kurangnya kehadiran 80% dalam aktiviti PdP untuk layak menduduki peperiksaan akhir;</u></p> <p>1.8 <u>Pelajar yang menangguhkan pengajian dan akan mendaftar semula perlu memaklumkan kepada fakulti satu (1) minggu sebelum semester bermula.</u></p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 4/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
2.	<p><u>Pendaftaran Kursus</u></p> <p>2.1 <u>Pelajar baharu diminta merujuk Buku Program Pengajian yang boleh diperoleh daripada laman web BK & BAKD (https://akademik.upm.edu.my/pelajar semasa-2955) atau skema/pelan pengajian yang diberi oleh pihak fakulti semasa minggu Putra Perkasa. Pelajar dinasihatkan mendapatkan kepastian daripada CALC bagi pakej yang betul berdasarkan keputusan ujian kemahiran Bahasa Inggeris seperti MUET, CIEP, IELTS, TOEFL, PTE atau mana-mana keputusan ujian kemahiran Bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh UPM;</u></p> <p><u>Nota:</u> <u>Buku Program Pengajian ini akan digunakan sepanjang tempoh pengajian pelajar.</u></p> <p>2.2 <u>Semua pelajar baharu dikehendaki lulus pemeriksaan kesihatan sebelum dibenarkan mendaftar kursus. Pendaftaran kursus boleh dibuat setelah mendapat pengesahan pendaftaran pelajar baharu. Pendaftaran pelajar baharu tempatan menggunakan Sistem eDaftar manakala pendaftaran pelajar baharu antarabangsa menggunakan Sistem PutraENROLL;</u></p> <p>2.3 <u>Pelajar baharu diberi kemudahan mendaftar kursus secara berpakej; kursus yang didaftar secara auto adalah merupakan kursus semester pertama yang disenaraikan mengikut skema/pelan pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar baharu yang mendapati kursus yang perlu didaftar tiada dalam pendaftaran berpakej diminta merujuk kepada PA masing-masing;</u></p> <p>2.4 <u>Pelajar perlu mendaftar sekurang-kurangnya 12 jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus pengajian lebih daripada 20 jam kredit hendaklah mendapatkan perakuan PA dan seterusnya mendapat kelulusan Dekan. Permohonan dibuat melalui Modul SMP MyBorang. Pelajar lama yang berada di semester akhir sebelum LI perlu merujuk kepada fakulti jika perlu membuat pendaftaran kursus kurang daripada 12 kredit;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 5/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
2.5	<p><u>Pelajar juga boleh menyemak senarai kursus yang telah didaftar dalam SMP dan mencetak slip pendaftaran kursus sebagai rekod atau pelajar boleh menyimpan rekod tersebut dalam bentuk Pdf atau tangkap layar (screenshot) di telefon bimbit;</u></p>
2.6	<p><u>Pemindahan kredit</u></p> <p><u>Pelajar diberi masa selama dua (2) minggu mulai semester bermula untuk membuat permohonan pemindahan kredit. Permohonan hendaklah disokong dengan dokumen berkaitan bagi memudahkan pertimbangan dibuat. Syarat-syarat asas pemindahan kredit adalah:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <u>(i) Pemindahan kredit hanya dipertimbangkan bagi kursus pengajian yang sama dan lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C, atau kursus setara yang lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C+ atau gred yang lebih tinggi mengikut keperluan program berkenaan;</u> <u>(ii) Semua permohonan pemindahan kredit perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada minggu kedua (2) semester pertama pengajian seseorang pelajar itu;</u> <u>(iii) Pemindahan kredit itu diasaskan kepada kursus demi kursus pengajian yang telah lulus dan tidak sebagai keseluruhan bagi sesuatu program pengajian. Pemindahan kredit sesuatu kursus pengajian dibenarkan hanya sekali sahaja bagi sepanjang program pengajiannya;</u> <u>(iv) Pemindahan kredit secara <i>vertical</i> melibatkan pemindahan kredit daripada program diploma kepada program Bachelor. Jumlah maksimum pemindahan kredit tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah jam kredit bergraduasi. Kredit akan dipindahkan tanpa membawa gred ke program Bachelor;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 6/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(v) <u>Pemindahan kredit secara <i>horizontal</i> melibatkan pemindahan kredit daripada program yang sama taraf, contoh Bachelo ke Bachelo. Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindahkan ke program baharu secara lazimnya adalah 50% tertakluk kepada standard program. Bagi pertukaran program yang melibatkan program dalam UPM, jumlah kredit yang boleh dipindahkan tertakluk kepada budi bicara Dekan dan standard program. Kredit dipindahkan dengan membawa gred terdahulu ke program baharu bagi tujuan pengiraan PNG dan PNGK;</u></p> <p>(vi) <u>Pemindahan kredit kerana mobiliti pelajar:</u></p> <p>(a) <u>Pelajar yang memohon mobiliti ke luar UPM diminta berbincang dengan KJ/penyelaras program berkenaan kursus yang akan diambil di luar universiti untuk memastikan layak bagi pemindahan kredit;</u></p> <p>(b) <u>Pemindahan kredit akan dibuat selepas pelajar mendapat keputusan peperiksaan kursus yang diambil semasa menjalani program mobiliti tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Kesetaraan Akademik UPM;</u></p> <p>(c) <u>Gred dan kredit kursus, tertakluk kepada maksimum 30% daripada jumlah kredit bergraduat, yang berjaya dalam pemindahan kredit akan dimasukkan dalam perkiraan PNG dan PNGK pelajar pada semester semasa pelajar menjalani program mobiliti.</u></p> <p>(vii) <u>Semua permohonan pemindahan kredit daripada luar UPM hendaklah disertakan dengan kandungan kursus yang lengkap bagi kursus berkenaan dan dimajukan kepada fakulti masing-masing bagi tujuan penilaian kesetaraan.</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 7/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
2.7	<p><u>Pengecualian kursus (Kursus dikecualikan tetapi kredit perlu diganti)</u></p> <p>(i) <u>pelajar boleh memohon pengecualian sesuatu kursus yang disenaraikan dalam struktur pengajian. Contoh: pelajar lepasan ASPER boleh memohon pengecualian kursus PRT2009 Pertanian dan Kehidupan TETAPI perlu menggantikan kredit kursus itu dengan mengambil mana-mana kursus yang mempunyai kredit yang sama/tidak kurang daripada kredit kursus yang dimohon pengecualian;</u></p> <p>(ii) <u>permohonan perlu dibuat melalui SMP dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester pengajian bermula.</u></p>
2.8	<u>Maklumat/notis mengenai proses tambah/gugur kursus boleh didapati di SMP pelajar;</u>
2.9	<u>Maklumat Jadual Waktu Kuliah dan Amali boleh dicapai melalui SMP dan laman web berikut: http://www.akademik.upm.edu.my;</u>
2.10	<u>Pelajar lama yang tidak menjelaskan hutang tertunggak, tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus (sila rujuk Pejabat Bursar untuk keterangan lanjut);</u>
2.11	<p><u>Pendaftaran lewat dan akibat tidak membuat pendaftaran</u></p> <p>(i) <u>Pelajar lama yang telah membuat pendaftaran kursus pada minggu 12-14 semester sebelumnya, boleh membuat perubahan pendaftaran kursus mulai minggu pertama (1) semester hingga minggu kedua (2) tanpa denda;</u></p> <p>(ii) <u>Pelajar lama yang tidak membuat pendaftaran kursus pada minggu 12-14 semester sebelumnya, boleh membuat Pendaftaran Kursus Lewat pada minggu pertama (1) tanpa denda dan boleh membuat perubahan pendaftaran kursus sehingga akhir minggu kedua (2) tanpa denda;</u></p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 8/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(iii) <u>Pelajar lama yang tidak membuat Pendaftaran Kursus Lewat pada minggu pertama (1) akan dikenakan denda jika membuat pendaftaran kursus pada minggu kedua (2) (dengan denda RM50.00 setiap kursus yang didaftar);</u></p> <p>(iv) <u>Pendaftaran kursus tidak dibenarkan selepas minggu kedua (2);</u></p> <p>(v) <u>Gugur Kursus akan dikenakan denda (RM 50.00 setiap kursus yang didaftar) jika dibuat mulai hari pertama minggu ketiga (3) kuliah hingga hari terakhir minggu ketujuh (7) kuliah. Pengguguran kursus tidak dibenarkan selepas minggu ketujuh (7);</u></p> <p>(vi) <u>Pelajar yang tidak mendaftar kursus dalam SMP selepas minggu kedua (2) semester dibuka akan digugurkan nama daripada daftar pelajar UPM;</u></p> <p>(vii) <u>Pelajar yang tidak mendaftar berterusan akan DIGUGURKAN NAMA daripada senarai daftar pelajar UPM;</u></p> <p>(viii) <u>Rayuan akibat tidak mendaftar berterusan (nama digugurkan):</u></p> <p>(a) <u>Pelajar boleh mengemukakan rayuan kepada BK pada semester namanya digugurkan, atau pada semester berikutnya yang namanya digugurkan untuk didaftarkan semula dan menyambung semula pengajiannya pada semester berikutnya. Rayuan tersebut hendaklah disertakan dengan bayaran RM100 kepada universiti;</u></p> <p>(b) <u>Pelajar yang tidak/gagal mengemukakan rayuan dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan untuk penyambungan semula pengajian pada masa hadapan.</u></p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 9/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
2.12	<p><u>Permohonan Penangguhan Pengajian</u></p> <p>(i) <u>Penangguhan pengajian atas sebab peribadi boleh dibuat melalui SMP mulai minggu pertama (1) sehingga minggu ketujuh (7) kuliah. Yuran pengajian tidak akan dikembalikan bagi permohonan penangguhan pengajian yang dibuat selepas minggu kedua (2). Penangguhan pengajian selepas minggu ketujuh hingga sebelum minggu peperiksaan akhir bermula hanya dibenarkan atas sebab kesihatan atau kelulusan Senat. Semua permohonan penangguhan pengajian selepas minggu ketujuh (7) perlu dibuat secara bertulis melalui Dekan kepada BK;</u></p> <p>(ii) <u>Pelajar boleh mengetahui keputusan permohonan penangguhan pengajian melalui SMP dalam tempoh lima (5) hari setelah permohonan diterima dan pemakluman dibuat kepada pelajar melalui e-mel dan pelajar perlu mencetak surat keputusan melalui SMP.</u></p>
2.13	<p><u>Permohonan Tarik Diri</u></p> <p>(i) <u>Permohonan tarik diri boleh dibuat sepanjang semester melalui SMP. Walau bagaimanapun yuran pengajian yang telah dibayar pada semester itu hanya akan dikembalikan jika permohonan tarik diri dibuat dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester berkenaan;</u></p> <p>(ii) <u>Pelajar boleh mengetahui keputusan permohonan tarik diri melalui SMP dalam tempoh lima (5) hari setelah permohonan diterima dan pemakluman dibuat kepada pelajar melalui e-mel dan pelajar perlu mencetak surat keputusan melalui SMP.</u></p>
2.14	<p><u>Permohonan Pertukaran Program</u></p> <p>(i) <u>Pelajar yang telah melalui dua (2) semester pengajian boleh memohon pertukaran program dengan syarat mendapat persetujuan Dekan fakulti bagi program asal dan Dekan fakulti bagi program baharu;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 10/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(ii) <u>Permohonan hendaklah dibuat melalui SMP satu (1) hari selepas Senat mengumumkan keputusan peperiksaan akhir semester berkenaan;</u></p> <p>(iii) <u>Pelajar yang mendapat keputusan BAIK layak memohon pemindahan kredit tertakluk kepada syarat yang ditetapkan;</u></p> <p>(iv) <u>Pelajar yang mendapat keputusan PERCUBAAN atau AMARAN boleh memohon pertukaran program tetapi tidak layak memohon sebarang pemindahan kredit;</u></p> <p>(v) <u>Klasifikasi pelajar yang bertukar program ditentukan berdasarkan jumlah kredit yang akan dipindahkan oleh fakulti dalam program baharu;</u></p> <p>(vi) <u>Universiti tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kesan yang dihadapi oleh pelajar berkenaan penajaan akibat daripada pertukaran program;</u></p> <p>(vii) <u>Pelajar dimaklumkan keputusan permohonan melalui e-mel selewat-lewatnya sebelum akhir minggu pertama (1) kuliah semester baharu bermula. Pelajar perlu mencetak surat keputusan melalui SMP pada minggu pertama (1) semester baharu bermula. Bagi permohonan yang tidak dipertimbangkan selepas minggu pertama (1) semester baharu, akan diberi keputusan permohonan Tidak Berjaya.</u></p> <p>2.15 <u>Permohonan Penetapan/Pertukaran Major/Minor</u></p> <p>(i) <u>Pelajar boleh membuat permohonan penetapan major/minor melalui SMP kepada Dekan dalam tempoh mulai minggu keempat (4) hingga minggu ketujuh (7) semester;</u></p> <p>(ii) <u>Pelajar yang telah membuat penetapan major/minor boleh memohon pertukaran melalui SMP kepada Dekan mulai minggu keempat (4) hingga minggu ketujuh (7) semester;</u></p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 11/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	(iii) <u>Pelajar boleh mengetahui keputusan permohonan penetapan major/minor dan pertukaran major/minor daripada fakulti masing-masing melalui e-mel SMP dan mencetak surat keputusan melalui SMP.</u>
3.	<u>Jadual Waktu Kuliah dan Amali</u> <u>Pelajar boleh menyemak JWKA yang telah dimuat naik dalam laman web dan juga e-mel pelajar pada minggu ke-11 dan memaklumkan fakulti jika terdapat sebarang masalah.</u>
4.	<u>Pelajar Mengikuti LI</u>
	4.1 <u>Permohonan Penempatan</u>
	(i) <u>Pelajar perlu memohon penempatan LI menggunakan borang yang disediakan oleh fakulti. (Rujuk: Lampiran 1: Contoh Borang Permohonan Tempat LI);</u>
	(ii) <u>Setiap pelajar perlu mencadangkan tempat latihan yang dikenal pasti;</u>
	(iii) <u>Pelajar perlu merujuk kepada Penyelaras LI Jabatan/Program mengenai pemilihan tempat LI bagi memastikan tempat tersebut bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar;</u>
	(iv) <u>Pelajar perlu mendapatkan surat permohonan penempatan daripada Fakulti;</u>
	(v) <u>Surat permohonan penempatan LI perlu disertakan <i>curriculum vitae</i> dan garis panduan skop latihan (jika ada) bagi memastikan latihan yang dijalani oleh pelajar menepati objektif latihan;</u>
	(vi) <u>Pelajar bertanggungjawab menyediakan kemudahan sara hidup, penginapan dan pengangkutan sepanjang latihan. Pelajar boleh memohon bantuan kewangan yang disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar;</u>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 12/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(vii) Pelajar yang menjalani LI di luar negara perlu mendapatkan kelulusan visa (Sila rujuk i-Putra);</p> <p>(viii) Pelajar WAJIB mendaftar kursus LI dalam SMP mengikut tempoh pendaftaran kursus.</p>
4.2	<p>Penerimaan atau Penolakan Tawaran Penempatan LI</p> <p>(i) Status penerimaan pelajar di industri mesti disahkan dengan surat penawaran atau penolakan daripada pihak industri;</p> <p>(ii) Pelajar tidak dibenarkan membuat penolakan penempatan selepas menerima surat tawaran penempatan LI daripada pihak industri tanpa kebenaran KULIF;</p> <p>(iii) Sekiranya pelajar mendapat tawaran penempatan lebih daripada satu (1) industri, keputusan penempatan dibuat atas budi bicara KULIF.</p>
4.3	<p>Pelaksanaan LI</p> <p>(i) Pelajar perlu melapor diri pada tarikh dan tempat yang ditetapkan;</p> <p>(ii) Pelajar perlu membawa borang pengesahan lapor diri, salinan surat persetujuan penerimaan penempatan oleh industri dan dokumen lain seperti berikut (jika perlu) semasa melapor diri:</p> <p>(a) Surat Akuan Perlindungan Insurans (yang dikeluarkan oleh BHEP);</p> <p>(b) Surat Menanggung Rugi dan Aku Janji (Rujuk Lampiran 2: <i>Letter of Indemnity and Undertaking</i>);</p> <p>(c) Borang Perjanjian Kerahsiaan (Rujuk Lampiran 3: <i>Non-Disclosure Agreement</i>);</p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 13/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<ul style="list-style-type: none"> (iii) <u>Pelajar perlu menghadiri taklimat bersama penyelia industri mengenai skop kerja yang perlu dilakukan oleh pelajar, peraturan dan prosedur industri, peraturan keselamatan dan lain-lain perkara yang berkaitan;</u> (iv) <u>Pelajar dengan bantuan penyelia industri perlu merancang aktiviti sepanjang LI mengikut skop latihan;</u> (v) <u>Pelajar perlu mematuhi perancangan aktiviti industri sepanjang tempoh latihan.</u>
4.4	<p><u>Pemantauan LI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Pelajar perlu menyerahkan laporan kepada KULIF dalam tempoh yang ditetapkan oleh fakulti;</u> (ii) <u>Laporan perlu dihantar dalam bentuk salinan keras (<i>hardcopy</i>) dan/atau salinan lembut (<i>softcopy</i>) mengikut keperluan fakulti;</u> (iii) <u>Sekiranya fakulti menetapkan pelajar untuk membuat pembentangan, ia perlu dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan oleh fakulti. Salinan pembentangan turut dihantar (jika perlu).</u>
5.	<p><u>Latihan Mengajar</u></p> <p><u>Pelajar program pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Sains dikehendaki merujuk pejabat TDA, fakulti masing-masing berkenaan latihan mengajar.</u></p>
6.	<p><u>Latihan Klinikal Veterinar</u></p> <p><u>Pelajar Doktor Perubatan Veterinar dikehendaki merujuk pejabat TDA, Fakulti Perubatan Veterinar berkenaan latihan klinikal veterinar.</u></p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 14/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
7.	<u>Penilaian berterusan</u>
7.1	<u>Penilaian pertama bagi pelajar akan dilaksanakan sekitar minggu ke-4 hingga ke-6 dan keputusan akan dimaklumkan sebelum minggu ke-7 berakhir;</u>
7.2	<u>Penilaian kedua (jika ada) akan dilaksanakan sekitar minggu ke-9 hingga ke-11 dan keputusan akan dimaklumkan sebelum minggu ke-12 berakhir;</u>
7.3	<u>Penilaian berterusan dalam bentuk yang ditentukan oleh pengajar dan keputusan akan dimaklumkan selewat-lewatnya pada hari Khamis minggu ke-15.</u>
8.	<u>Panduan Peperiksaan Kepada Pelajar</u>
8.1	<u>Pelajar perlu menyemak JWP dan kumpulan peperiksaan bagi kursus yang diambil. Jika berlaku pertindihan jadual, sila hubungi pensyarah atau pejabat Dekan Fakulti bagi urusan penyemakan/pembetulan dengan BK;</u>
8.2	<u>Pelajar pada setiap masa dikehendaki menghadiri kuliah, tutorial, kelas, menyempurnakan tugas bagi setiap kerja kursus mengikut tempoh yang ditetapkan atau lain-lain pengajaran berkaitan dengan kursus pengajiannya serta bersedia untuk menghadapi peperiksaan;</u>
8.3	<u>Pelajar yang menghadiri kurang daripada 80% keseluruhan kehadiran yang ditetapkan bagi sesuatu kursus pengajian yang didaftarkan adalah terhalang daripada menduduki peperiksaan akhir kecuali ketidakhadiran yang disebabkan masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan dari Pusat Kesihatan UPM atau Hospital/Klinik Kerajaan atau atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Dekan Fakulti;</u>
8.4	<u>Pelajar perlu menjelaskan yuran pengajian setiap semester untuk memastikan tidak terhalang daripada menduduki peperiksaan akhir dan mendapatkan keputusan peperiksaan;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 15/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
8.5	<u>Pelajar yang berhutang boleh mendapatkan kebenaran Naib Canselor untuk menduduki peperiksaan akhir. Walau bagaimanapun, pelajar akan terhalang daripada mendapat keputusan peperiksaan.</u>
8.6	<u>Peperiksaan Gantian</u> <u>Peperiksaan gantian boleh dipertimbangkan jika pelajar tidak dapat menghadirkan diri bagi mana-mana peperiksaan atas alasan munasabah. Peperiksaan gantian boleh diadakan jika Dekan Fakulti pelajar, setelah berbincang dengan pensyarah berkenaan, berpuashati dengan kemunasabahan alasan yang diberi. Tempoh peperiksaan gantian adalah dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh peperiksaan asal atau tarikh lain sebelum semester berikutnya bermula.</u>
8.7	<u>Keputusan Peperiksaan</u> <u>Pelajar boleh mengetahui keputusan peperiksaan akhir yang dimaklumkan melalui SMP satu (1) hari selepas pengesahan Senat.</u>
8.8	<u>Peperiksaan Khas (untuk pelajar Sulung atau Akhir yang berada dalam dua (2) semester akhir atau dua (2) trimester akhir)</u> <u>Pelajar yang gagal dalam mana-mana kursus boleh membuat permohonan di BAKD bagi menduduki peperiksaan khas dalam tempoh satu (1) minggu sebaik sahaja keputusan peperiksaan rasmi diumumkan. Peperiksaan khas akan diadakan dalam tempoh satu (1) minggu selepas tarikh tutup permohonan (Rujuk: Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan Khas PU/PS/BR15/PEP). Gred maksimum yang boleh diberikan adalah gred minimum lulus kursus tersebut.</u>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 16/21
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
8.9	<p><u>Semakan GB dan Semakan Gred</u></p> <p>(i) <u>Buat permohonan semakan GB/gred melalui SMP mengikut tempoh yang ditetapkan:</u></p> <p>(a) <u>Permohonan semakan GB adalah dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan disahkan oleh Senat;</u></p> <p>(b) <u>Permohonan semakan gred, dari tarikh keputusan peperiksaan disahkan oleh Senat sehingga hari terakhir minggu pertama (1) semester berikutnya;</u></p> <p>(ii) <u>Buat bayaran di pejabat Bursar seperti berikut:</u></p> <p>(a) <u>Bagi permohonan semakan GB - RM50;</u></p> <p>(b) <u>Bagi permohonan semakan gred – RM20 setiap kursus;</u></p> <p>(c) <u>Bayaran permohonan semakan GB dan semakan Gred akan dikembalikan sekiranya pelajar berjaya dalam permohonan;</u></p>
8.10	<p><u>Permohonan Semester Tambahan</u></p> <p><u>Pelajar semester akhir yang mendapat keputusan GB boleh memohon semester tambahan untuk memperbaiki keputusan dan menamatkan pengajian dengan syarat mata kekurangan yang diperoleh tidak lebih daripada 24 dan pelajar masih mempunyai baki tempoh pengajian maksimum. Bilangan maksimum semester tambahan yang layak dipohon oleh pelajar adalah sebanyak dua semester atau tiga trimester (program untuk eksekutif) mengikut sistem pengajian masing-masing.</u></p>
8.11	<p><u>Semakan Kecukupan Kredit</u></p> <p><u>Pelajar perlu membuat semakan kecukupan kredit untuk bergraduat di fakulti selewat-lewatnya dua (2) semester sebelum bergraduat untuk mengelakkan pelajar perlu menambah semester pengajian;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP004	Halaman: 17/21
		No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
8.12	<u>Pelajar hendaklah membuat semakan ejaan nama dalam SMP dan maklumkan kepada BAKD sekiranya terdapat pembetulan untuk mengelakkan kesilapan dalam cetakan transkrip dan sijil akademik;</u>
8.13	<u>Pelajar boleh mengetahui status bergraduat melalui SMP bagi peperiksaan yang diambil bagi semester terakhirnya dan surat tamat belajar dan transkrip digital yang boleh dicetak melalui portal pelajar dengan syarat pelajar tidak berhutang dengan Universiti;</u>
8.14	<u>Pelajar yang telah bergraduat akan dimaklumkan mengenai tarikh majlis konvokesyen melalui notis yang akan dikeluarkan oleh pihak Universiti satu (1) bulan sebelum majlis tersebut.</u>

LAMPIRAN 1

BORANG PERMOHONAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI



Nama:

No. Matrik: No. K/P:

Program:

Tahun Pengajian/Semester:/..... No. Telefon Bimbit:

Masa Latihan: Tempoh Latihan:

Pilihan 1

.....

.....

Pilihan 2

.....

.....

Pilihan 3

.....

.....

Dimohon oleh: Disokong oleh:

.....

Tandatangan pelajar Penyelaras Latihan Industri

LAMPIRAN 2

SURAT MENANGGUNG RUGI DAN AKU JANJI



LETTER OF INDEMNITY & UNDERTAKING

In consideration of (Company's Name) accommodating Mr/Ms (Student's Name), (Student's I/C No) of Faculty, facilities for practical training, **Universiti Putra Malaysia (UPM)**, hereby agrees that :

1. UPM acts as a facilitator for the said student's practical training and is in no way an agent or principal to or an employer of the said student; and
2. UPM shall not hold (Company's Name) in any way liable or any claim or take any proceedings against (Company's Name) with respect of any personal injury to Mr/Ms(Student's Name) or loss or damage to his/her property which he/she may suffer in consequence of the facilities offered to him/her by (Company's Name) or departments at which he/she will be receiving/her his training.

Date:

Registrar

Universiti Putra Malaysia

LAMPIRAN 3

BORANG PERJANJIAN KERAHSIAAN



NON-DISCLOSURE AGREEMENT

This agreement is by and between (Student's Name) (Student's I/C No) and having his/her address at (please insert address) (hereinafter referred to as "Student") and Universiti Putra Malaysia, a higher institute of learning established in Malaysia and governed by the University and College University Act 1971 and having an address at 43400 Serdang, Selangor (hereinafter referred to as "UPM").

WHEREBY IT IS AGREED as follows:

Whereas:

- a. The Student is desirous of entering into industrial training at (insert Company's Name);
- b. UPM has no objection to the student undergoing the industrial training at (insert Company's Name); and

The student hereby agrees that:

1. The Student shall hold Confidential Information in confidence and shall not disclose the same to others, or use the same except for purposes of this Agreement, without the written consent of UPM and the said company.
2. Confidential Information is any written or oral information which is proprietary to UPM and or to the said company including know-how, technique, and specification of a characters regarded by UPM or the said company as the case may be, as confidential but shall not include any information that Student can show:
 - (a) was in the public domain prior its disclosure to, or thereafter comes into the public domain without the fault or breach of any confidentiality obligation by the Student; or
 - (b) was known by any third party prior to disclosure; or
 - (c) was disclosed to by a third party not in violation of any obligation of confidentiality to the Student; or
 - (d) is independently developed by any third party; or

(e) the Student is required to disclose pursuant to the lawful order of a court or governmental agency, provided that The Student shall notify UPM and the said company of the order, and if requested, shall reasonably cooperate with UPM and the said company in attempting to legally prevent the required disclosure. Any combination of known information shall be within any of the foregoing exclusions only if the combination as such is within such exclusion.

3. The Student agrees that all information, including drawings, designs, specifications, formulations, flow sheets, sketches, descriptions, data, samples and other material pertaining to Confidential Information and obtained from or through UPM or the said company shall remain the property of UPM or the said company respectively. The Student agrees to return all Confidential Information and all copies thereof, at the request of UPM or the said company.
4. No right or license is granted hereby to The Student, expressly or by implication, with respect to the Confidential Information or under any patent, patent application or other proprietary right of UPM or the said company, notwithstanding the expiration of the confidentiality obligations of this Agreement.
5. The Student further agrees that during the industrial training at the said company, the student shall at all times observe his/her demeanors and shall not conduct himself/herself in any manner prejudicial to the interest, well-being good name of UPM or conduct himself/ herself against public order, safety or security, morality, decency or disciplines.
6. This Agreement shall be governed by and construed in accordance with the Malaysia Law. IN WITNESS WHEREOF, each of the parties has caused the Agreement to be signed by its duly authorized representative.


If to UPM:-

(office in charge of this NDA)
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor Darul Ehsan
(Attn : person in charge)
Tel:
Fax:
Email:

Witness by:

If to Student:-

Name:
IC No.:
Address:
Tel:
Fax:
Email:


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 1/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ

1.0 TUJUAN


Garis panduan ini bertujuan menerangkan kepada pentadbir PTJ program Doktor Perubatan tentang kaedah pengambilan pelajar baharu (tempatan dan antarabangsa), lantikan penasihat akademik, penyediaan kalendar akademik, pengurusan jadual waktu kuliah dan amali, pendaftaran kursus, pengurusan jadual waktu peperiksaan, pengendalian kursus, penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir, penyediaan, pelaksanaan dan pengendalian penilaian, pengurusan penilaian dan peperiksaan akhir, semakan gred, pengijazahan pelajar, pengendalian pelajar yang mempunyai isu prestasi dan kriteria pelantikan pensyarah sambilan.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

<u>BAKD</u>	:	<u>Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>BK</u>	:	<u>Bahagian Kemasukan</u>
<u>Fakulti</u>	:	<u>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</u>
<u>Isu Akademik</u>	:	<u>Gagal dalam peperiksaan, kehadiran dalam aktiviti pengajaran kurang daripada 100%, kesilapan mendaftar kursus, tidak menghadiri ujian/peperiksaan, tidak membuat/menghantar tugas, PNGK kurang daripada 2.50, ujian kurang daripada 50% (tertakluk kepada markah lulus kursus), tidak menjalankan latihan klinikal</u>
<u>Isu _____ Bukan Akademik</u>	:	<u>Masalah kesihatan, kewangan, peribadi, dan sebagainya</u>
<u>JPSSJ</u>	:	<u>Jawatankuasa Penyemakan Soalan dan Skema Jawapan</u>
<u>JWKA</u>	:	<u>Jadual Waktu Kuliah dan Amali</u>
<u>JWP</u>	:	<u>Jadual Waktu Peperiksaan</u>
<u>KBK</u>	:	<u>Ketua Bahagian Kemasukan</u>
<u>Ketua PTJ</u>	:	<u>Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</u>
<u>KJ</u>	:	<u>Ketua Jabatan</u>
<u>MJP</u>	:	<u>Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan merangkumi:</u> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Jawatankuasa Peperiksaan Profesional Program Doktor Perubatan (lantikan Senat)</u> • <u>Jawatankuasa Peperiksaan Program Doktor Perubatan (Praklinikal) (lantikan Fakulti)</u> • <u>Jawatankuasa Peperiksaan Program Doktor Perubatan (Klinikal) (lantikan Fakulti)</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 2/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022

PA	: Penasihat Akademik
Pengawas	: Pegawai yang dilantik untuk mengawal selia ujian/peperiksaan
Pensyarah	: Pensyarah yang mengajar kursus berkenaan
Penilaian	: Penilaian berterusan yang dilakukan bagi kursus pengajian yang didaftar oleh pelajar dan hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada ujian, tugasan, kuiz dan penilaian kerja makmal, kerja lapangan dan praktikum, mengikut mana yang berkenaan.
Peperiksaan	: Peperiksaan Akhir Semester
PF	: Penyelaras Fasa
PTP	: Penyelaras Tahun Pengajian
PK	: Penyelaras Modul/ Kursus/ Posting
PNG	: Purata Nilai Gred
PNGK	: Purata Nilai Gred Keseluruhan
PP	: Pensyarah Pemantau
Program Pengajian	: Program Bachelo dan Diploma
Prasiswazah	
PT PTJ	: Pegawai Tadbir Fakulti
PT (P/O) PTJ	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) PTJ
SMP	: Sistem Maklumat Pelajar
SPA	:
TDAP	: Timbalan Dekan (Akademik: Perubahan)
Pentadbir PTJ	: Dekan/Timbalan Dekan/Ketua Jabatan/Pegawai Tadbir
Wakil Dekan	: Individu yang dilantik oleh Dekan untuk menjalankan tugas berkenaan garis panduan ini semasa ketiadaan Dekan


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 3/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ

3.0 PANDUAN


Bil	Tindakan
1.	<p><u>Pengambilan Pelajar Baharu Tempatan Program Doktor Perubatan</u></p> <p>1.1 <u>Rancang Pengambilan Pelajar Tempatan</u></p> <p><u>Ketua PTJ/TDAP merancang pengambilan pelajar tempatan dengan melaksanakan tindakan seperti berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>menyediakan Unjuran Pengambilan Pelajar Baharu;</u> (ii) <u>menyediakan Syarat Kemasukan;</u> (iii) <u>mendapatkan kelulusan mesyuarat di peringkat Fakulti;</u> (iv) <u>menghantar Cadangan Unjuran Pengambilan Pelajar Baharu (Rujuk: Borang Cadangan Unjuran Pengambilan Pelajar Baharu Program Bachelo (PU/PS/BR01/AMB) dan Borang Cadangan Unjuran Pengambilan Pelajar Baharu Program Diploma dan Asasi Sains Pertanian (PU/PS/BR02/AMB)) dan Syarat Kemasukan ke BK selewat-lewatnya pada minggu keempat bulan Oktober.</u> <p><u>*Nota: Cadangan Unjuran Pengambilan Pelajar Baharu dan Syarat Kemasukan akan dikemukakan untuk pengesahan Senat pada bulan November.</u></p> <p>1.2 <u>Saring Permohonan Calon Tempatan</u></p> <p><u>Permohonan Lepasn STPM/Matrikulasi/Asasi/setaraf</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - <u>TDAP/wakil fakulti yang ditetapkan oleh TDAP perlu hadir Mesyuarat Pemilihan Bersama Fakulti untuk menyaring permohonan kategori Lepasn STPM/Matrikulasi/Asasi/setaraf.</u>
2.	<p><u>Pengambilan Pelajar Baharu Antarabangsa Program Doktor Perubatan</u></p> <p>2.1 <u>Ketua PTJ/TDAP mengemukakan syarat kemasukan jika ada perubahan kepada BK selewat-lewatnya bulan Oktober;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 4/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
2.2	Ketua PTJ/TDAP mengemukakan unjuran enrolmen pelajar kepada BK selewat-lewatnya minggu akhir bulan Disember;
2.3	Ketua PTJ/TDAP menerima Borang Permohonan Pelajar Antarabangsa daripada BK;
2.4	Ketua PTJ/TDAP membuat pemilihan pengambilan pelajar dan kemukakan keputusan berkenaan kepada BK;
2.5	Ketua PTJ/TDAP melaksanakan saringan kemasukan;
2.6	Ketua PTJ/TDAP menerima senarai calon pelajar yang berjaya dalam permohonan daripada BK.
3.	Lantikan Penasihat Akademik
3.1	Ketua PTJ memastikan SPA dilaksanakan di peringkat fakulti dengan SMP modul PA. (Rujuk: Kaedah-kaedah UPM (Perkara Akademik Prasiswazah) (Doktor Perubatan) 2019);
3.2	Ketua PTJ perlu melantik seorang Ketua PA untuk memastikan SPA dilaksanakan di peringkat fakulti dengan berkesan;
3.3	TDAP/Ketua PA memastikan setiap pelajar mesti mempunyai seorang (1) Penasihat Akademik (PA) sepanjang pengajian di UPM;
	Nota: Pelajar akan diletakkan di bawah PA yang berbeza bagi tahun pra klinikal dan klinikal.
3.4	TDAP/Ketua PA melantik pensyarah sebagai PA kepada sekumpulan pelajar untuk satu tempoh yang ditetapkan;
3.5	TDAP/Ketua PA menyediakan "ID" dan "kata laluan" kepada semua PA;

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 5/18
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
3.6	TDAP/KPA boleh mengambil alih atau melantik PA baru kepada mana-mana pelajar atau sekumpulan pelajar jika perlu;
3.7	TDAP/KPA membuat rancangan aktiviti SPA pada setiap semester dan melaporkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan salinan kepada KBK;
3.8	TDAP/KPA memantau kelicinan perjalanan SPA di peringkat fakulti;
3.9	TDAP/KPA menyediakan panduan untuk memudahkan PA memberi nasihat kepada pelajar mengenai peraturan akademik, pengecualian kursus, cara pengiraan keputusan peperiksaan dan mata kekurangan serta lain-lain;
3.10	Ketua PTJ menyediakan peruntukan kewangan untuk menjalankan aktiviti Penasihat Akademik.
4.	Penyediaan Kalendar Akademik
4.1	Ketua PTJ/TDAP menerima notis arahan untuk menyediakan kalendar akademik sesi baharu dari BK;
4.2	PT PTJ menyediakan <i>curriculum map</i> (JWKA) bagi sesi baharu untuk tahun satu (1) hingga tahun lima (5);
4.3	PT PTJ menyediakan kalendar akademik berdasarkan <i>curriculum map</i> bagi pelajar tahun satu (1) hingga tahun lima (5) untuk dikemukakan kepada BK bagi kelulusan Senat.
5.	Pengurusan Jadual Waktu Kuliah Dan Amali
5.1	Rancang Pengendalian Kursus:
(i)	TDAP/KJ mengenal pasti dan senaraikan kursus yang akan ditawarkan berdasarkan kurikulum dan skema pengajian selewat-lewatnya minggu ke tujuh (7) semester sebelum;

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 6/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ


Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> (ii) TDAP/KJ mengenal pasti dan membuat permohonan kursus yang diperlukan daripada jabatan/fakulti lain selewat-lewatnya minggu ke tujuh (7) semester sebelum; (iii) KJ mengenal pasti dan senaraikan penyelaras/ pensyarah/ penunjuk ajar; (iv) TDAP/KJ mengenal pasti dan menyenaraikan pensyarah/penunjuk ajar sambilan jika pegawai akademik tidak mencukupi; (v) KJ/TDAP mengesahkan kursus yang ditawarkan pada semester hadapan dan pelantikan Penyelaras/Pensyarah/Pensyarah Bersama yang akan mengendalikan kursus dalam Mesyuarat Jabatan/Fakulti dibuat dua (2) minggu sebelum semester berakhir; (vi) Ketua PTJ memastikan keperluan prasarana pengajaran mencukupi dan berfungsi.
5.2	<p>Sediakan Draf JWKA:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Bagi pra klinikal, draf JWKA akan diserahkan kepada penyelaras tahun dan modul pada minggu keenam (6) bagi penyelaras di peringkat modul/kursus. Manakala bagi klinikal, draf rotasi klinikal akan diserahkan kepada penyelaras posting/kursus di Jabatan dua (2) minggu sebelum semester bermula untuk penyelaras pengajaran dan perancangan penempatan pelajar di fasiliti kesihatan; (ii) KJ bagi penyelaras modul/kursus/posting mengesahkan penawaran kursus pada minggu ketujuh (7); (iii) PT PTJ memasukkan data JWKA dalam SMP dua (2) minggu sebelum semester berakhir.

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 7/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ


Bil	Tindakan
5.3	PT PTJ membuat pemantauan pelaksanaan kuliah mengikut JWKA tempoh dua (2) minggu pertama semester bermula bagi kursus yang dilaksanakan di lokasi di bawah pengurusan PTJ.
6.	<u>Pendaftaran Kursus</u>
6.1	Persediaan Pendaftaran Kursus PT PTJ mempamerkan notis pendaftaran kursus pada papan kenyataan di fakulti /apa-apa medium hebahan.
6.2	<u>Daftar Kursus</u>
(i)	PA berbincang dan memberi nasihat kepada pelajar seterusnya mengesahkan mengenai kursus yang diambil;
(ii)	Pastikan pelajar mendaftar mengikut skema pengajian yang ditetapkan. Pendaftaran kursus di luar skema pengajian perlu mendapat kebenaran PA jika jumlah kredit keseluruhan tidak melebihi 20 atau kebenaran Dekan jika jumlah kredit keseluruhan melebihi 20;
(iii)	Ketua PTJ/TDAP perlu memastikan kelulusan pendaftaran kursus di luar skema pengajian dibuat selewat-lewatnya pada akhir minggu kedua (2) semester pengajian;
(iv)	PT PTJ pelajar berkenaan hendaklah memberitahu pelajar baharu, pada hari pertama semester bermula atau pada hari lain yang bersesuaian, mengenai kursus yang berjaya didaftarkan secara dalam talian, dan pelajar hendaklah mencetak slip pendaftaran kursus sebagai rekod pendaftaran kursusnya bagi semester itu.

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 8/18
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
6.3	<p><u>Pelajar Yang Tidak Membuat Pendaftaran Berterusan</u></p> <p>(i) <u>Ketua PTJ/TDAP menerima senarai pelajar yang tidak membuat pendaftaran berterusan daripada BK pada hari pertama minggu ketiga (3);</u></p> <p>(ii) <u>Ketua PTJ/TDAP menyemak ketepatan senarai pelajar yang tidak membuat pendaftaran berterusan;</u></p> <p>(iii) <u>Ketua PTJ/TDAP mengesan dan menghubungi pelajar yang tidak mendaftar kursus;</u></p> <p>(iv) <u>Ketua PTJ/TDAP mengemukakan maklum balas status pelajar yang tidak mendaftar kursus dalam tempoh seminggu (1) kepada BK. Ketua PTJ/TDAP nasihatkan pelajar untuk tangguh pengajian/tarik diri dan bincang dengan BK tentang status pelajar (jika perlu).</u></p>
6.4	<p><u>Proses Pemindahan Kredit</u></p> <p><u>TDAP/PT PTJ mengemukakan permohonan pemindahan kredit untuk pertimbangan Jawatankuasa Kesetaraan Akademik (JKPKA) Universiti bagi pemindahan kredit yang melibatkan kursus dari luar UPM (Rujuk: perenggan 9 jadual kedua Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) (Doktor Perubatan) 2019).</u></p> <p><u>*Nota:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <u>1. Pemindahan kredit yang melibatkan kursus dari dalam UPM hendaklah dipertimbangkan oleh Dekan Fakulti.</u> <u>2. Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester pertama pengajian atau dua (2) minggu pertama semester pengajian pelajar diluluskan pertukaran program.</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 9/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ

Bil	Tindakan
6.5	<u>Pengecualian kursus (Kursus dikecualikan tetapi kredit perlu diganti)</u> (i) <u>TDAP/PT PTJ memaklumkan kepada pelajar untuk memilih sama ada hendak membuat pengecualian sesuatu kursus. Contoh: pelajar lepasan ASPER boleh memohon pengecualian kursus PRT2009 Pertanian dan Kehidupan dan mengambil mana-mana kursus yang mempunyai kredit yang sama;</u> (ii) <u>TDAP/PT PTJ memastikan permohonan dibuat dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester pengajian bermula.</u>
7.	<u>Pengurusan Jadual Waktu Peperiksaan</u>
7.1	<u>Sedia, semak dan kemas kini draf JWP</u> (i) <u>Penyelaras tahun menyediakan draf JWP;</u> (ii) <u>PT PTJ menyemak dan mengemas kini draf JWP;</u> (iii) <u>PT PTJ mengumumkan JWP kepada pelajar satu (1) bulan sebelum peperiksaan.</u>
7.2	<u>Daftar Nama Ketua Pengawas, Pengawas dan Pembantu Pengawas</u> (i) <u>PT PTJ meminta KJ mencadangkan nama Ketua Pengawas/ Pengawas/Pembantu Pengawas;</u> (ii) <u>Ketua PTJ/TDAP melantik dan memaklumkan JWP kepada Ketua Pengawas/ Pengawas/Pembantu Pengawas satu (1) bulan sebelum peperiksaan.</u>
7.3	<u>Sedia Lokasi Peperiksaan</u> (i) <u>PT PTJ memastikan lokasi peperiksaan yang telah dikenal pasti disediakan dan boleh digunakan pada hari peperiksaan bermula;</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 10/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
	(ii) PT PTJ mempamerkan JWP di lokasi peperiksaan selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum peperiksaan. [Lengkapkan Log Persiapan Dewan Peperiksaan (PU/PS/ LG04/JAD)].
8.	<u>Pengendalian Kursus</u>
8.1	<u>Rujuk Rangka Kursus</u> KJ memastikan pensyarah merujuk rangka kursus di pejabat TDAP dan senarai pelajar yang mendaftar kursus.
8.2	<u>Semak dan Sah Rancangan Pengajaran</u> KJ menyemak dan mengesahkan rancangan pengajaran dua (2) minggu sebelum semester bermula berpandukan rangka kursus.
8.3	<u>Sediakan Rancangan Penaksiran</u> KJ mengambil maklum mengenai rancangan penaksiran adalah menepati hasil pembelajaran kursus dan berpandukan julat peratus penaksiran terkini yg diluluskan Senat.
8.4	<u>Pantau Pengendalian Kursus dan buat Penilaian Pengajaran</u> (i) KJ memantau pengendalian semua kursus yang ditawarkan sekurang-kurangnya sekali dalam satu (1) semester/mengikut tempoh posting sebelum kursus/posting tersebut berakhir [Borang Pelaksanaan Pemantauan Pengajaran (PU/PS/BR04/AJR)]; (ii) KJ memastikan Penilaian Pengajaran dalam talian dilaksanakan oleh pelajar sebelum minggu peperiksaan akhir.
8.5	<u>Semak Laporan Penilaian/Pencapaian dan Laksana Tindakan Pembetulan</u> (i) PT PTJ mencetak laporan penilaian pengajaran;


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 11/18
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> (ii) Ketua PTJ/TDAP/KJ menyemak laporan penilaian pengajaran; (iii) Ketua PTJ/TDAP/KJ melaksanakan tindakan pembetulan jika tidak mencapai KPI yang ditetapkan sebelum semester berikutnya bermula.
9.	Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir
9.1	<p>Edar Notis Penyediaan Kertas Soalan/Skema Jawapan</p> <p>Ketua PTJ/TDAP mengedar notis penyediaan kertas soalan/skema jawapan peperiksaan akhir kepada pensyarah selewat-lewatnya lapan (8) minggu sebelum peperiksaan bermula dan hantar salinan kepada BAKD.</p>
9.2	<p>Laksana Moderasi</p> <p>KJ perlu memastikan moderasi kertas soalan/skema jawapan melalui perbincangan dengan pensyarah berkaitan dengan mengambil kira keseimbangan soalan mengikut silibus, kesesuaian dan kejelasan soalan dan ketepatan skema jawapan (Rujuk: Senarai Semak Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (PU/PS/SS01/PEP).</p>
9.3	<p>Lantik Arbitrator (jika berkenaan)</p> <p>TDAP/KJ boleh melantik seorang arbitrator untuk menyelesaikan perbezaan pendapat antara penyelaras kursus dan pensyarah kursus.</p>
9.4	<p>Semak Kertas Soalan/Skema Jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) TDAP/KJ memaklumkan kepada Ketua PTJ, Kertas Soalan/Skema Jawapan yang belum diterima dan ambil tindakan susulan. Lengkapkan Log Penerimaan Kertas Soalan/Skema Jawapan (PU/PS/LG14/PEP); (ii) JPSSJ perlu membuat semakan soalan/skema jawapan bermula pada minggu keempat (4);


Commented [SA1]: Mng kena specify 8 minggu ke? Kalau kursus tu pendek je tak sampai 8 minggu?

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 12/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ


Bil	Tindakan
	<p>(iii) KJ/ wakil yang dilantik oleh Dekan merekodkan semakan kertas soalan/ skema jawapan menggunakan Borang Semakan Soalan/Skema Jawapan Peperiksaan Akhir (PU/PS/BR16/PEP) dan serahkan Borang Semakan Soalan/Skema Jawapan Peperiksaan Akhir (PU/PS/BR16/PEP) yang memerlukan pindaan kepada PK/Pensyarah berkenaan.</p> <p><u>*Nota: Pensyarah dikehendaki untuk menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) set soalan yang berbeza serta skema jawapan setiap soalan setiap semester (set soalan kedua akan digunakan sekiranya berlaku kebocoran soalan/pertindihan masa peperiksaan pelajar).</u></p>
9.5	<p>Serah Skema Jawapan</p> <p>Penyelaras bank soalan/penyelaras fasa menyerahkan Skema Jawapan kertas soalan kepada TDAP selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan. Lengkapkan Log Penerimaan Kertas Soalan/Skema Jawapan (PU/PS/LG14/PEP).</p>
9.6	<p>Cetak dan Simpan Kertas Soalan</p> <p>(i) PT PTJ merekodkan kertas soalan yang diterima dalam Senarai Semak Penerimaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (PU/PS/SS02/PEP). PT PTJ hendaklah menyimpan dan memastikan keselamatan kertas soalan dan skema jawapan peperiksaan akhir;</p> <p>(ii) PT PTJ hendaklah mencetak Kertas Soalan mengikut keperluan di Borang Permohonan Mencetak Kertas Soalan dan Keperluan Peperiksaan (PU/PS/BR01/PEP) dan melengkapkan Log Percetakan Kertas Soalan Peperiksaan (PU/PS/LG01/PEP);</p> <p>(iii) PT PTJ menyimpan dan menyusun kertas soalan di dalam sampul berlakri mengikut tarikh peperiksaan dalam peti keselamatan di bilik Khas/Pejabat TDAP hingga hari peperiksaan;</p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 13/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
	(iv) Kertas soalan hendaklah diambil dan dibawa oleh Ketua Pengawas ke dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh satu (1) jam sebelum peperiksaan bermula dengan kebenaran PT fakulti setelah direkodkan.
9.7	Soalan Bocor (jika berkenaan)
	(i) Soalan bocor sebelum peperiksaan: PT PTJ hendaklah mencetak kertas kertas soalan simpanan (set kedua);
	(ii) Soalan bocor selepas peperiksaan: Ketua PTJ hendaklah melaksanakan tindakan kawalan ketidapatuhan produk - Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, Dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003).
9.8	Buku Jawapan
	PT PTJ hendaklah melengkapkan Log Penyerahan & Penerimaan Dokumen Peperiksaan dan Pemulangan Buku Jawapan Ujian/Peperiksaan (PU/PS/LG02/PEP).
10.	Penyediaan, Pelaksanaan Dan Pengendalian Penilaian
10.1	Pengesahan dan cetakan kertas soalan
	(i) KJ/Wakil yang dilantik oleh Dekan/TDAP/KJ menyemak dan mengesahkan soalan dan skema jawapan. Lengkapi Borang Semakan Penyediaan Kertas Soalan Ujian (PU/PS/BR46/PEP);
	(ii) PT PTJ mencetak kertas soalan berdasarkan bilangan pelajar.
10.2	Lantik Pengawas
	Ketua PTJ melantik pengawas di kalangan pegawai fakulti dan maklumkan kepada pegawai tersebut selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum ujian bermula.

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 14/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
10.3	<p><u>Laksana Ujian/ Peperiksaan/ Penilaian</u></p> <p>(i) <u>PK/Pengawas hendaklah mematuhi Garis Panduan Peperiksaan (rujuk laman web BK & BAKD) dan melengkapkan Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR);</u></p> <p>(ii) <u>PK/Pengawas perlulah memantau perjalanan pelaksanaan ujian dan jika didapati pelajar meniru, tindakan perlu diambil dengan merujuk Perenggan 56(g) Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) (Doktor Perubatan) 2019;</u></p> <p>(iii) <u>Pejabat TDAP hendaklah menyimpan satu (1) salinan kertas ujian dan skema jawapan dalam fail kursus selepas urusan pemeriksaan tamat.</u></p>
10.4	<p><u>Markah dan keputusan di SMP</u></p> <p>(i) <u>Bagi Tahun Klinikal, markah bagi penilaian akhir posting direkodkan dengan menggunakan borang berikut (jika berkaitan):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Borang Professional Examination II Short Case Mark Sheet (PU/PS/BR10/PEP)</u> • <u>Year 3 Final Posting Examination/Professional Examination II Long Case Mark Sheet (PU/PS/BR08/PEP)</u> • <u>Year 3 Final Posting Examination Short Case Mark Sheet (PU/PS/BR09/PEP)</u> • <u>End Of-Posting Student's Evaluation Report (EPE) (PU/PS/BR17/PEP)</u> • <u>Borang Theory/ Osce Examination Mark Sheet (PU/PS/BR32/PEP)</u> • <u>Borang End Of-Posting Examination Short Case Mark Sheet Senior Medicine Posting/ Senior Surgery Posting/ Psychiatry Posting/ Paediatrics Posting/ Obstetrics and Gynaecology Posting/ Senior Orthopaedics Posting (PU/PS/BR35/PEP)</u> • <u>Borang End Of-Posting Examination Long Case Mark Sheet Senior Medicine Posting/ Senior Surgery Posting/ Psychiatry Posting/ Paediatrics Posting/ Obstetrics and Gynaecology Posting/ Senior Orthopaedics Posting (PU/PS/BR36/PEP)</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 15/18
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(ii) <u>Penyelaras modul/posting menyerahkan markah penilaian/peperiksaan akhir untuk dibawa ke MJP. Laksana moderasi bagi kursus yang mempunyai lebih dari seorang pensyarah untuk memenuhi keperluan berikut:</u></p> <p>(a) <u>Pemarkahan seragam mengikut skema jawapan dan peratus pemarkahan yang sama seperti yang telah ditetapkan;</u></p> <p>(b) <u>Taburan gred normal atau hampir normal.</u></p> <p>(iii) <u>Pejabat TDAP akan menyelaraskan proses kemasukan markah dan meminta penyelaras modul/posting memasukkan markah ke dalam SMP setelah disahkan oleh MJP;</u></p> <p>(iv) <u>Dekan/TDAP/PF/PTP mengumumkan keputusan peperiksaan;</u></p> <p>(v) <u>PT PTJ mempamerkan keputusan ujian/peperiksaan/penilaian di papan kenyataan yang disediakan selewat-lewatnya satu (1) hari selepas pengesahan;</u></p> <p>(vi) <u>PT PTJ mengumpul dan memajukan keputusan kepada BAKD untuk pengesahan Senat;</u></p> <p>(vii) <u>Ketua PTJ membenarkan pelajar yang lulus menyambung pengajian ke semester seterusnya/ tahun klinikal seterusnya/ layak bergraduasi bagi pelajar tahun akhir;</u></p> <p>(viii) <u>PF mengaturkan peperiksaan pemulihan (<i>remedial</i>) bagi pelajar yang gagal (sekiranya perlu).</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 16/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ	Tarikh: 29/07/2022


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
11.	<p><u>Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan Akhir</u></p> <p><u>Kelayakan menduduki peperiksaan</u></p> <p>(i) <u>Ketua PTJ/TDAP memastikan hanya pelajar yang memenuhi sekurang-kurangnya 100% kehadiran aktiviti akademik dibenarkan menduduki peperiksaan akhir;</u></p> <p>(ii) <u>Ketua PTJ boleh membenarkan pelajar yang tidak memenuhi sekurang-kurangnya 100% kehadiran aktiviti akademik menduduki peperiksaan akhir atas alasan yang munasabah;</u></p> <p>(iii) <u>Ketua PTJ/TDAP menasihatkan pelajar yang terhalang daripada menduduki peperiksaan akhir atas sebab berhutang dengan universiti mendapatkan kebenaran Naib Canselor untuk menduduki peperiksaan itu.</u></p>
12.	<p><u>Semakan Gred</u></p> <p>12.1 <u>Ketua PTJ/Pensyarah menerima permohonan semakan gred pelajar secara dalam talian yang telah lengkap diisi;</u></p> <p>12.2 <u>KJ menyokong atau tidak sokong cadangan pindaan gred atau gred kekal yang diberi oleh pensyarah secara dalam talian;</u></p> <p>12.3 <u>Ketua PTJ/TDAP mengesahkan cadangan pindaan gred atau gred kekal dengan menyokong atau tidak sokong pindaan gred atau gred kekal yang diberi oleh pensyarah secara dalam talian.</u></p>
13.	<p><u>Pengijazahan Pelajar</u></p> <p>13.1 <u>Ketua PTJ/TDAP menerima notis arahan bergraduasi daripada BAKD pada minggu ke-12 untuk dipaparkan di fakulti;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 17/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ

Bil	Tindakan
13.2	Ketua PTJ/TDAP memastikan pelajar yang berada dalam dua (2) semester akhir sebelum bergraduat menyemak kredit bergraduat berdasarkan kepada struktur pengajian masing-masing;
13.3	Ketua PTJ/TDAP memastikan pelajar menyemak ketepatan nama dan ejaan pelajar dalam SMP yang akan dipaparkan dalam skrol dan transkrip pelajar dan meminta mereka menghubungi BAKD jika perlu pembetulan.
14.	Pengendalian Pelajar Yang Mempunyai Isu Prestasi
	Kenal pasti isu pelajar
	PA hendaklah mengenal pasti isu pelajar:
	(i) Isu Akademik
	(ii) Isu Bukan Akademik
	(a) Minta pelajar rujuk kepada PTJ berpandukan kepada isu seperti berikut:
	i. Isu peribadi rujuk ke PTJ yang menguruskan kaunseling pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA);
	ii. Isu kesihatan rujuk ke Pusat Kesihatan Universiti.
	iii. Isu kewangan rujuk ke PTJ yang menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA)/Wazan;
	iv. Isu lain rujuk kepada Ketua PTJ.
	(b) PA merekodkan perbincangan dengan pelajar dan melengkapkan Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/PEP).

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 18/18
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP005	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENTADBIR PTJ

<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
15.	<p><u>Kriteria Pelantikan Pensyarah Sambilan</u></p> <p>(i) <u>KJ hendaklah memastikan calon mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat sarjana atau setara dalam bidang berkaitan daripada Universiti yang diiktiraf;</u></p> <p>(ii) <u>KJ hendaklah memastikan calon yang berkerja mendapat kelulusan daripada majikan masing-masing untuk menjadi pensyarah sambilan;</u></p> <p>(iii) <u>Untuk perlantikan semula, KJ hendaklah memastikan calon membuktikan kemampuan menjalankan tanggungjawab sebagai pensyarah sambilan dengan mendapat markah penilaian pengajaran sekurang-kurangnya skala 4.0 daripada 5.0.</u></p>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 1/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

1.0 TUJUAN


Garis panduan ini bertujuan menerangkan kepada pensyarah tentang tanggungjawab penasihat akademik, pendaftaran kursus, pengendalian kursus, aktiviti pengajaran (kuliah, tutorial, amali, kuiz, tugasan pelajar), penyediaan, pelaksanaan dan pengendalian penilaian, penyediaan kertas soalan/skema jawapan peperiksaan akhir, pemarkahan dan penggredan kursus peperiksaan akhir, pengendalian peperiksaan profesional program doktor perubatan, pengendalian rotasi /posting klinikal program doktor perubatan, pengendalian peperiksaan akhir posting program doktor perubatan, semakan gred, pengendalian pelajar yang mempunyai isu prestasi, *continuous quality improvement* (CQI) untuk kursus dan pengendalian kuliah dan amali gantian.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

JPSSJ	:	Jawatankuasa Penyemakan Soalan dan Skema Jawapan
FYP	:	Projek Tahun Akhir/Disertasi
Ketua PTJ	:	Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
KJ	:	Ketua Jabatan
KKM	:	Kementerian Kesihatan Malaysia
Isu Akademik	:	Gagal dalam peperiksaan, kehadiran dalam aktiviti pengajaran kurang daripada 100%, kesilapan mendaftar kursus, tidak menghadiri ujian/peperiksaan, tidak membuat/menghantar tugasan, PNGK kurang daripada 2.50, ujian kurang daripada 50% (tertakluk kepada markah lulus kursus), tidak menjalankan latihan klinikal
Isu Bukan Akademik	:	Isu kesihatan, kewangan, peribadi, dan sebagainya
PA	:	Penasihat Akademik
Pengawas	:	Pegawai yang dilantik untuk mengawal selia ujian /peperiksaan
Pensyarah	:	Pensyarah yang mengajar kursus berkenaan
Penilaian	:	Penilaian berterusan yang dilakukan bagi kursus pengajian yang didaftar oleh pelajar dan hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada ujian, tugasan, kuiz dan penilaian kerja makmal/klinikal, mengikut mana yang berkenaan.


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 2/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH

<u>Pentadbir PTJ</u>	:	<u>Dekan/Timbangan Dekan/Ketua Jabatan/Pegawai Tadbir</u>
<u>Peperiksaan</u>	:	<u>Peperiksaan Akhir Semester, Peperiksaan Akhir Posting, Peperiksaan Profesional I, Peperiksaan Profesional II, dan peperiksaan ulangan</u>
<u>PK</u>	:	<u>Penyelaras Kursus/Posting</u>
<u>PF</u>	:	<u>Penyelaras Fasa</u>
<u>PT</u>	:	<u>Penyelaras Tahun</u>
<u>PNG</u>	:	<u>Purata Nilain Gred</u>
<u>PNGK</u>	:	<u>Purata Nilain Gred Keseluruhan</u>
<u>PT PTJ</u>	:	<u>Pegawai Tadbir Pusat Tanggungjawab</u>
<u>SMP</u>	:	<u>Sistem Maklumat Pelajar</u>
<u>TDAP</u>	:	<u>Timbalan Dekan (Akademik: Perubatan)</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 3/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH

3.0 PANDUAN


Bil	Tindakan
1.	<u>Tanggungjawab Penasihat Akademik</u>
1.1	<u>Membantu pelajar memahami kurikulum, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan, pemindahan kredit dan pengecualian kursus, dan semakan kredit untuk bergraduasi.</u>
1.2	<u>Meluangkan masa untuk berbincang tentang pelajaran, kerjaya dan sebagainya dengan membuat temu janji terlebih dahulu dengan pelajar tersebut;</u>
1.3	<u>Memantau kemajuan prestasi secara "online" (SMP) dan menasihati pelajar dengan sewajarnya;</u>
1.4	<u>Mengesan dan merujuk seseorang pelajar yang memerlukan perhatian khas, runding cara atau bimbingan kepada seseorang pensyarah yang mengajar atau kaunselor universiti atau pegawai yang berkenaan;</u>
1.5	<u>Memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar secara positif, serta mewujudkan perasaan rasa dihargai di kalangan pelajar di samping membuka peluang untuk mereka mencapai matlamat masing-masing;</u>
1.6	<u>Merekodkan setiap pertemuan dan perbincangan yang diadakan;</u>
1.7	<u>Membantu pelajar menyelesaikan masalah selain akademik, dan jika perlu merujuk perkara tersebut pada pihak tertentu;</u>
1.8	<u>Menyeliasa projek berkumpulan (pembangunan dan pengembangan);</u>
1.9	<u>Merancang, mengadakan dan memantau aktiviti yang melibatkan semua pelajar di bawah penasihatannya;</u>
1.10	<u>Mengaktifkan pendaftaran kursus pelajar di bawah seliaan selepas pelajar berbincang dengan PA melalui SMP pada minggu pendaftaran kursus;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 4/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH


Bil	Tindakan
1.11	Mengesahkan pendaftaran kursus pelajar di SMP-Modul Pendaftaran Kursus.
2.	Pendaftaran Kursus
2.1	Pelajar Baharu:
	(i) PA menerima senarai pelajar baharu untuk penasihat akademik daripada TDA/penyelaras;
	(ii) Pelajar baharu dibenarkan membuat pendaftaran kursus mulai hari pertama minggu suai kenal hingga hari terakhir minggu kedua (2) semester atau mengikut tarikh surat tawaran dan tempoh pendaftaran yang ditetapkan;
	(iii) PA memaklumkan pelajar baharu berkenaan waktu perjumpaan untuk urusan pendaftaran kursus;
	(iv) PA perlu berjumpa dengan pelajar sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk menasihati pelajar berkenaan program pengajian dan juga apa-apa perkara lain yang berkaitan termasuk bukan akademik;
	(v) Pendaftaran kursus bagi pelajar baharu dibuat secara berpakej di mana kursus yang didaftar secara auto adalah merupakan kursus semester pertama yang disenaraikan mengikut skema/pelan pengajian. PA perlu memaklumkan TDAP jika terdapat kursus yang perlu didaftar oleh pelajar tiada dalam pendaftaran berpakej;
	(vi) Pensyarah perlu memastikan pelajar baharu mendaftar mengikut skema pengajian yang ditetapkan.

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 5/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH

Bil	Tindakan
2.2	<u>Pelajar Lama:</u> (i) <u>PA perlu memastikan pelajar lama mendaftar kursus mengikut tempoh yang diumumkan oleh pihak fakulti;</u> (ii) <u>PA memantau dan membimbing pelajar membuat pendaftaran jika perlu;</u> (iii) <u>PA memaklumkan pelajar berkenaan waktu perjumpaan untuk urusan pendaftaran kursus;</u> (iv) <u>PA memberi kebenaran kepada pelajar untuk mendaftar secara dalam talian;</u> (v) <u>PA perlu berjumpa dengan pelajar sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk menasihati pelajar berkenaan program pengajian dan juga apa-apa perkara lain yang berkaitan termasuk bukan akademik;</u> (vi) <u>Pensyarah perlu memastikan pelajar mendaftar mengikut skema pengajian yang ditetapkan.</u>
3.	<u>Pengendalian Kursus</u> 3.1 <u>Sedia Rancangan Pengajaran</u> <u>Sediakan rancangan pengajaran melalui SMP yang digunakan untuk kursus yang ditugaskan berpandukan rangka kursus, tarikh ujian dan peperiksaan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum semester bermula.</u> 3.2 <u>Dapatkan kelulusan KJ atas perubahan Rancangan Pengajaran (Jika berkaitan);</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 6/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
3.3	<p><u>Sediakan fail kursus</u></p> <p><u>Sediakan fail kursus UPM.(Kod PTJ).600-4/30/2 (Kod Kursus) sama ada dalam bentuk fizikal atau digital selewat-lewatnya pada minggu kedua semester semasa dan semak senarai rekod seperti berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Kertas Soalan Penilaian 1 dan Skema Jawapan (Jika berkaitan)</u> • <u>Kertas Soalan Penilaian 2 dan Skema Jawapan (Jika berkaitan)</u> • <u>Kertas Soalan Peperiksaan Akhir dan Skema Jawapan yang telah dimoderasi/disemak</u> • <u>Senarai markah dan gred Peperiksaan Akhir (Rujuk SMP dan Hi-Staf)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) (Kuliah dan Amali)/(Rujuk SMP)</u> • <u>Soalan Kuiz (Rujuk Putra Blast) (Jika berkaitan)</u> • <u>Senarai Tugas Pelajar (Jika berkaitan)</u> • <u>Markah Tugas (Jika berkaitan) (Rujuk SMP)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Ujian 1)/Rujuk SMP</u> • <u>Rekod markah Ujian (Rujuk SMP dan Hi-Staf)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Penilaian Berterusan)/Rujuk SMP (Jika berkaitan)</u> • <u>Rekod markah Penilaian Berterusan (Rujuk SMP) (Jika berkaitan)</u> • <u>Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Peperiksaan Akhir)/Rujuk SMP</u> • <u>Notis atau catatan maklumat secara lisan kuliah/amali gantian (Jika berkaitan)</u> • <u>Senarai Kehadiran kuliah/amali gantian (Jika berkaitan)</u> • <u>Borang Penilaian Pensyarah Jemputan/ Penunjukajar (PU/PS/ BR05/AJR) (Jika Berkaitan)</u> • <u>Surat-surat berkaitan (Jika berkaitan)</u>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 7/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
4.	<u>Aktiviti Pengajaran (Kuliah, Tutorial, Amali, Kuiz, Tugasan Pelajar)</u>
4.1	<u>Sediakan senarai bahan dan peralatan pengajaran dan amali satu (1) minggu sebelum semester bermula bagi pembelian bahan dan peralatan pengajaran yang memerlukan proses pembelian atau sediakan senarai bahan dan peralatan pengajaran dan amali (1) minggu sebelum sesi pengajaran/amali bermula;</u>
4.2	<u>Muat naik bahan pengajaran (nota kuliah) dalam PutraBLAST (bagi kursus yang berkenaan) (kursus praklinikal);</u>
4.3	<u>Laksanakan pengajaran mengikut jadual kuliah yang ditetapkan mengikut rancangan pengajaran kursus;</u>
4.4	<u>Rekodkan kehadiran pelajar dalam Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BRO3/AJR) atau muat turun melalui sistem SMP (Rujuk: http://www.smp.upm.edu.my) bagi semua aktiviti pengajaran;</u>
4.5	<u>Edarkan panduan (Modul/Posting Guide) kepada pelajar yang mendaftar mengikut tahun pengajian sebelum semester bermula;</u>
4.6	<u>Pastikan Penilaian Pengajaran dalam talian dilaksanakan oleh pelajar sebelum minggu peperiksaan akhir. Rujuk Putra Learning Hub http://www.learninghub.upm.edu.my/ta;</u>
4.7	<u>Ambil tindakan pencegahan terhadap pelajar bermasalah berdasarkan rekod kehadiran dan prestasi penilaian selewat-lewatnya sebelum kursus berakhir;</u>
4.8	<u>Laksanakan dan rekod aktiviti pengajaran gantian pada tarikh, masa dan di tempat yang telah ditetapkan mengikut persetujuan semua pelajar.</u>


Commented [SA1]: Yg ni cukup eh 1 minggu je kalau melibatkan proses pembelian?

Commented [SA2]: Kena mention praklinikal je ke? Sbb klinikal tak boleh guna PutraBlast? hehe


Commented [SA3]: Check link

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 8/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH


Bil	Tindakan
5.	<p><u>Penyediaan, Pelaksanaan Dan Pengendalian Penilaian</u></p> <p><u>Rujuk Rangka Kursus:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Tentukan bentuk penilaian kepada pelajar. Jika bentuk penilaian adalah ujian, rancang dan tentukan tarikh dan tempat ujian;</u> (ii) <u>Maklumkan kepada pelajar tarikh, masa dan tempat ujian dijalankan;</u> (iii) <u>Sediakan soalan dan skema jawapan selewat-lewatnya lima (5) hari sebelum ujian dilaksanakan;</u> (iv) <u>Pastikan keselamatan soalan dan skema jawapan supaya tidak berlaku kebocoran;</u> (v) <u>Tentukan sama ada ujian berkenaan memerlukan bantuan pengawas;</u> (vi) <u>Bawa bersama kertas soalan dan segala keperluan ujian ke tempat ujian, dalam tempoh satu (1) jam sebelum ujian bermula. (Rujuk: Panduan Peperiksaan dalam web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik);</u> (vii) <u>Rekod dan sahkan kehadiran pelajar dengan berpandukan kad matrik/kad pengenalan dan senarai SMP [Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BRO3/AJR)];</u> (viii) <u>Pantau perjalanan pelaksanaan ujian dan jika didapati pelajar meniru, rujuk Perenggan 56(g) Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik) (Doktor Perubatan) 2019;</u> (ix) <u>Jika pelajar tidak hadir, dapatkan alasan daripada pelajar. (Contoh munasabah: masalah kesihatan, kematian waris, dan kemalangan). Jika munasabah, laksanakan ujian gantian. Tetapkan tarikh ujian gantian setelah berbincang dengan pelajar. Sediakan kertas soalan dan skema jawapan ujian gantian. Laksanakan ujian gantian;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 9/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
	<p>(x) Jika pelajar tidak hadir dan alasan tidak munasabah, berikan markah sifar;</p> <p>(xi) Periksa buku jawapan dan beri markah berpandukan skema jawapan;</p> <p>(xii) Simpan satu (1) salinan kertas ujian dan skema jawapan dalam fail kursus selepas urusan pemeriksaan tamat;</p> <p>(xiii) Rekodkan markah penilaian setiap pelajar dalam senarai markah penilaian dan masukkan markah penilaian dalam SMP;</p> <p>(xiv) Umum markah penilaian yang terkumpul sebelum peperiksaan akhir.</p>
6.	<p>Penyediaan Kertas Soalan/Skema Jawapan Peperiksaan Akhir</p> <p>6.1 Sediakan dua (2) set (set pilihan dan set simpanan) kertas soalan dan skema jawapan yang berbeza bagi setiap kursus dengan merujuk silibus kursus berkenaan.</p> <p>Bagi pensyarah yang dilantik sebagai penyelaras kursus:</p> <p>(i) Sekiranya kursus melibatkan lebih dari seorang (1) pensyarah buat moderasi kertas soalan dan skema jawapan;</p> <p>(ii) Laksana moderasi kertas soalan dan skema jawapan melalui perbincangan bersama pensyarah berkaitan yang perlu mengambil kira keseimbangan soalan mengikut silibus, kesesuaian dan kejelasan soalan, dan ketepatan skema jawapan;</p> <p>(iii) Rekodkan hasil perbincangan dengan menggunakan Senarai Semak Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (PU/PS/SS01/PEP) dan serahkan senarai semak berkenaan kepada KJ untuk mendapat pengesahan;</p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 10/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
	(iv) Jika ada perbezaan pendapat yang tidak dapat diselesaikan antara penyelaras kursus dengan pensyarah kursus, lantik seorang arbitrator untuk menangani masalah tersebut;
	(v) Sedia dan serah kertas soalan/skema jawapan yang telah dimoderasi kepada KJ/TDAP.
6.2	Sekiranya ada pindaan, pinda kertas soalan dan skema jawapan peperiksaan akhir berdasarkan cadangan JPSSJ;
6.3	Sedia dan serah semula kertas soalan/skema jawapan yang telah dipinda kepada KJ/TDAP untuk pengesahan;
6.4	Serah Kertas Soalan dan Borang Permohonan Mencetak Kertas Soalan dan Keperluan Peperiksaan (PU/PS/BR01/PEP) kepada PT PTJ;
6.5	Pastikan keselamatan soalan dan skema jawapan supaya tidak berlaku kebocoran;
6.6	Tentukan sama ada peperiksaan akhir berkenaan memerlukan bantuan pengawas;
6.7	Bawa bersama kertas soalan dan segala keperluan peperiksaan ke tempat peperiksaan, dalam tempoh satu (1) jam sebelum peperiksaan bermula. (Rujuk: Panduan Peperiksaan dalam web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik);
6.8	Rekod dan sahkan kehadiran pelajar dengan berpandukan kad matrik/ kad pengenalan dan senarai SMP [Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR)];
6.9	Pantau perjalanan pelaksanaan peperiksaan dan jika didapati pelajar meniru, rujuk Perenggan 56(g) Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik) (Doktor Perubatan) 2019;

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 11/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
6.10	<u>Jika pelajar tidak hadir, dapatkan alasan daripada pelajar. (Contoh munasabah: masalah kesihatan, kematian waris, dan kemalangan). Jika munasabah, laksanakan peperiksaan gantian dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh peperiksaan asal atau sebelum semester berikutnya bermula. Tetapkan tarikh peperiksaan gantian setelah berbincang dengan pelajar. Sediakan kertas soalan dan skema jawapan peperiksaan gantian. Laksanakan peperiksaan gantian;</u>
6.11	<u>Jika pelajar tidak hadir dan alasan tidak munasabah, berikan markah sifar;</u>
6.12	<u>Periksa buku jawapan, beri markah berpandukan skema jawapan dan rekodkan markah menggunakan pen berdakwa kekal dan penggunaan pensil adalah tidak dibenarkan;</u>
6.13	<u>Simpan satu (1) salinan kertas peperiksaan dan skema jawapan dalam fail kursus selepas urusan pemeriksaan tamat.</u> <u>Nota:</u> <u>Kertas peperiksaan dan skema jawapan perlu disimpan dalam dua (2) semester.</u>
7.	<u>Pemarkahan Dan Penggredan Kursus Peperiksaan Akhir</u>
7.1	<u>Bagi pensyarah yang dilantik sebagai penyelaras kursus, buat moderasi pemarkahan untuk memenuhi keperluan berikut:</u> (i) <u>Pemarkahan seragam mengikut skema jawapan dan peratus pemarkahan yang sama seperti yang telah ditetapkan;</u> (ii) <u>Taburan gred normal atau hampir normal;</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 12/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
	<p>7.2 Masukkan markah penilaian ke dalam SMP selewat-lewatnya 10 (sepuluh) hari selepas keputusan peperiksaan diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Keputusan Peperiksaan. (Sekiranya terdapat perubahan dalam pemberian markah disebabkan faktor lain, sila catatkan perkara berkenaan di skrip jawapan/tugasan/mana-mana senarai markah selain daripada cetakan SMP. Sila pastikan markah/gred yang dicatatkan di skrip jawapan/tugasan/mana-mana senarai markah selain daripada cetakan SMP adalah sama dengan markah/gred yang dimasukkan dalam SMP);</p> <p>7.3 Buat pindaan markah seperti yang diminta oleh MSKP Fakulti (sekiranya ada).</p>
8.	<p>Pengendalian Peperiksaan Profesional Program Doktor Perubatan</p> <p>8.1 Sediakan soalan dan skema jawapan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum Peperiksaan Profesional 1 dijalankan dengan merujuk kepada Rancangan Pengajaran dan Kaedah-kaedah UPM (Perkara Akademik (Doktor Perubatan) 2019;</p> <p>8.2 Periksa buku jawapan dan beri markah berpandukan skema jawapan dalam masa lima (5) hari bekerja selepas peperiksaan dijalankan;</p> <p>8.3 Kendalikan pelajar yang gagal mengikut kesesuaian kes.</p>
9.	<p>Pengendalian Rotasi /Posting Klinikal Program Doktor Perubatan</p> <p>9.1 Hubungi jabatan yang berkaitan di fasiliti KKM/Hospital Pengajar UPM (wad/ klinik/ dewan bedah/ dll.) bagi permohonan kebenaran penempatan pelajar;</p> <p>9.2 Dapatkan senarai kumpulan pelajar daripada pejabat TDAP untuk menjalankan rotasi/posting klinikal;</p> <p>9.3 Laksanakan rotasi/posting klinikal;</p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 13/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
		No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
9.4	Kenal pasti Pensyarah Bersama (klinikal) bagi posting untuk sub kumpulan kecil;
9.5	Rekod kehadiran pelajar rotasi/posting klinikal. Lengkapkan Borang Kehadiran Pelajar Latihan Klinikal (PU/PS/BR33/AJR);
9.6	Pantau pelaksanaan rotasi/posting klinikal. Pastikan pelajar melengkapkan buku log masing-masing;
9.7	Laksana sesi rotasi/pengajaran sisi katil/posting klinikal gantian jika aktiviti pengajaran tidak dapat dijalankan;
9.8	Buat penilaian berterusan/penilaian akhir posting;
9.9	Masukkan markah dalam SMP mengikut tempoh yang ditetapkan oleh fakulti.
10.	Pengendalian Peperiksaan Akhir Posting Program Doktor Perubatan
10.1	Rancang Peperiksaan Akhir Posting bagi Program Doktor Perubatan mengikut rangka kursus;
10.2	Sediakan soalan teori dan skema jawapan;
10.3	Laksanakan peperiksaan akhir posting;
10.4	Dapatkan kebenaran secara lisan daripada pesakit/penjaga untuk mengambil bahagian dalam ujian klinikal;


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 14/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
10.5	<p><u>Membuat penilaian/ pemarkahan dengan menggunakan borang berikut (jika berkaitan):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang Professional Examination II Short Case Mark Sheet (PU/PS/ BR10/PEP) • Year 3 Final Posting Examination/Professional Examination II Long Case Mark Sheet (PU/PS/BR08/PEP) • Year 3 Final Posting Examination Short Case Mark Sheet (PU/PS/BR09/PEP) • End Of-Posting Student's Evaluation Report (EPE) (PU/PS/BR17/PEP) • Borang Theory/ Osce Examination Mark Sheet (PU/PS/BR32/PEP) • Borang End Of-Posting Examination Short Case Mark Sheet Senior Medicine Posting/ Senior Surgery Posting/ Psychiatry Posting/ Paediatrics Posting/ Obstetrics and Gynaecology Posting/ Senior Orthopaedics Posting (PU/PS/BR35/PEP) • Borang End Of-Posting Examination Long Case Mark Sheet Senior Medicine Posting/ Senior Surgery Posting/ Psychiatry Posting/ Paediatrics Posting/ Obstetrics and Gynaecology Posting/ Senior Orthopaedics Posting (PU/PS/BR36/PEP)
10.6	<u>Rekodkan keputusan peperiksaan akhir posting.</u>
11.	<p><u>Semakan Gred</u></p> <p>(i) <u>Terima permohonan semakan gred pelajar secara dalam talian yang telah lengkap diisi;</u></p> <p>(ii) <u>Semak pemarkahan bagi kertas jawapan peperiksaan akhir dan pengiraan markah secara keseluruhan bagi semua penilaian. Jika didapati terdapat kesilapan dalam pemarkahan kertas jawapan pemohon, buat semakan yang sama ke atas kertas jawapan pelajar lain dalam kumpulan kursus berkenaan;</u></p> <p>(iii) <u>Buat pindaan jika berkaitan atau kekalkan gred dalam SMP selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja dari tarikh Mesyuarat JKSS meluluskan keputusan permohonan semakan semakan Gred.</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 15/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022


Bil	Tindakan
12.	<u>Pengendalian Pelajar Yang Mempunyai Isu Prestasi</u>
12.1	<p><u>Kenal pasti isu pelajar</u></p> <p>Pensyarah hendaklah mengenal pasti isu pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>Isu Akademik</u> (ii) <u>Isu Bukan Akademik</u> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>Minta pelajar rujuk kepada PTJ berpandukan kepada isu seperti berikut:</u> <ul style="list-style-type: none"> i. <u>Isu peribadi rujuk ke PTJ yang menguruskan kaunseling pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA);</u> ii. <u>Isu kesihatan rujuk ke Pusat Kesihatan Universiti.</u> iii. <u>Isu kewangan rujuk ke PTJ yang menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar di bawah Pejabat TNC(HEPA)/Wazan;</u> iv. <u>Isu lain rujuk kepada Ketua PTJ.</u> (b) <u>Rekodkan perbincangan dengan pelajar dan lengkapkan Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/PEP)</u>
12.2	<u>PK/Pensyarah menyediakan senarai pelajar yang mempunyai isu prestasi untuk diserahkan kepada PA.</u>
12.3	<u>PK/Pensyarah/PA berbincang dengan pelajar untuk mengenalpasti punca masalah yang dihadapi dan beri khidmat nasihat yang bersesuaian. Catatkan ringkasan perbincangan dalam Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/ PEP) atau secara online dalam SMP Modul Sistem Penasihatian Akademik.</u>

Commented [SA4]: tab


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 16/17
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
		GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH

Bil	Tindakan
	<p><u>Jika pelajar tidak datang selepas dipanggil dan diberi peringatan pelajar dianggap tidak berminat mendapat pertolongan. Catat dalam Borang Kemajuan Prestasi Pelajar (PU/PS/BR05/ PEP).</u></p>
13.	<p><u>Continuous quality improvement (CQI) untuk kursus</u></p> <p><u>Pensyarah perlu membuat refleksi berkenaan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus berdasarkan pencapaian pelajar dalam hasil pembelajaran kursus dan merangka penambahbaikan atau mencadangkan penambahbaikan dalam Rancangan Pengajaran untuk PDP kursus berkenaan pada masa akan datang. Sebagai contoh penekanan dalam aspek tertentu yang perlu diberikan seperti amali untuk meningkatkan psikomotor atau projek berkumpulan untuk meningkatkan kemahiran kerja berpasukan.</u></p>
14.	<p><u>Arahan Kerja Pengendalian Kuliah Dan Amali Gantian</u></p> <p>15.1 <u>Rancang Kuliah/Amali (Gantian)</u></p> <p>(i) <u>Rancang tarikh, masa dan tempat untuk menjalankan kuliah/ amali gantian;</u></p> <p>(ii) <u>Semak dengan pelajar supaya tidak berlaku pertindihan jadual pelajar;</u></p> <p>(iii) <u>Dapatkan dewan kuliah/ makmal untuk menjalankan kuliah/ amali gantian;</u></p> <p>(iv) <u>Buat tempahan dewan kuliah/ makmal (Borang Tempahan Dewan/Bilik/ Ruang dan Makmal - PU/PS/ BR06/PEP) jika perlu.</u></p> <p>15.2 <u>Keluarkan Notis Kepada Pelajar</u></p> <p>(i) <u>Tetapkan tarikh aktiviti pengajaran gantian pada tarikh, masa dan di tempat yang telah ditetapkan mengikut persetujuan semua pelajar;</u></p>

Commented [SA5]: Ulangan dari bahagian 4

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 17/17
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP006	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) PROGRAM DOKTOR PERUBATAN UNTUK PENSYARAH	Tarikh: 29/07/2022

Bil	Tindakan
15.3	<p>(ii) Keluarkan notis kuliah/ amali gantian selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja sebelum kuliah/ amali gantian dijalankan. Notis boleh disampaikan melalui Papan kenyataan jabatan/ fakulti atau secara lisan. Buat catatan menyatakan notis dibuat secara lisan atau secara elektronik. Simpanan bukti notis yang dikeluarkan secara elektronik (email, pesanan ringkas dan sebagainya).</p> <p>Laksanakan Kuliah/Amali Gantian</p> <p>(i) Laksanakan kuliah/amali gantian pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan;</p> <p>(ii) Rekodkan kehadiran pelajar dalam SMP atau Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/BR03/AJR);</p> <p>(iii) Semua kuliah/amali perlu diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh fakulti.</p>


	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 1/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan kepada pelajar Doktor Perubatan UPM tentang tanggungjawab pelajar, pendaftaran kursus, peperiksaan profesional program doktor perubatan, rotasi /posting klinikal program doktor perubatan, penilaian berterusan (bagi pelajar pra klinikal) dan panduan peperiksaan kepada pelajar.


2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

<u>BHEP</u>	:	<u>Bahagian Hal Ehwal Pelajar</u>
<u>BK</u>	:	<u>Bahagian Kemasukan</u>
<u>BAKD</u>	:	<u>Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>BK & BAKD</u>	:	<u>Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>CALC</u>	:	<u>Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa</u>
<u>CIEP</u>	:	<u><i>Certified Intensive English Programme</i></u>
<u>Dekan</u>	:	<u>Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</u>
<u>Fakulti</u>	:	<u>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</u>
<u>GB</u>	:	<u>Gagal dan Diberhentikan</u>
<u>IELTS</u>	:	<u><i>International English Language Testing System</i></u>
<u>JWKA</u>	:	<u>Jadual Waktu Kuliah dan Amali</u>
<u>JWP</u>	:	<u>Jadual Waktu Peperiksaan Akhir</u>
<u>KBAKD</u>	:	<u>Ketua Bahagian Urus Tadbir Akademik</u>
<u>KPA</u>	:	<u>Ketua Penasihat Akademik</u>
<u>MJP</u>	:	<u>Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan merangkumi:</u> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Jawatankuasa Peperiksaan Profesional Program Doktor Perubatan (Iantikan Senat)</u> • <u>Jawatankuasa Peperiksaan Program Doktor Perubatan (Praklinikal) (Iantikan Fakulti)</u>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 2/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022


- [Jawatankuasa Peperiksaan Program Doktor Perubatan \(Klinikal\) \(Iantikan Fakulti\)](#)

<u>MUET</u>	:	<u>Malaysian University English Test</u>
<u>PA</u>	:	<u>Penasihat Akademik</u>
<u>Pelajar</u>	:	<u>Pelajar baharu dan pelajar lama</u>
<u>Pra klinikal</u>	:	<u>Pelajar tahun satu dan tahun dua</u>
<u>Klinikal</u>	:	<u>Pelajar tahun tiga, empat dan lima</u>
<u>Pelajar baharu</u>	:	<u>Pelajar yang baharu mendaftar dan berada di Semester Pertama</u>
<u>Pelajar lama</u>	:	<u>Pelajar yang berada di Semester Kedua dan seterusnya dan bagi tujuan pertukaran program, pelajar yang telah melalui dua (2) semester pengajian</u>
<u>PNG</u>	:	<u>Purata Nilai Gred</u>
<u>PNGK</u>	:	<u>Purata Nilai Gred Keseluruhan</u>
<u>PTE</u>	:	<u>Pearson Test of English</u>
<u>SMP</u>	:	<u>Sistem Maklumat Pelajar</u>
<u>SPA</u>	:	<u>Sistem Penasihat Akademik</u>
<u>TDAP</u>	:	<u>Timbalan Dekan (Akademik: Perubatan)</u>
<u>TOEFL</u>	:	<u>Test of English as a Foreign Language</u>



	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 3/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022

3.0 PANDUAN


<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
1.	<p><u>Tanggungjawab Pelajar</u></p> <p>1.1 <u>Pelajar mendapatkan nama PA di fakulti masing-masing. Pelajar yang masih tidak mempunyai PA perlu merujuk kepada KPA (TDAP atau Pensyarah yang dilantik sebagai KPA fakulti masing-masing);</u></p> <p><u>Nota:</u> <u>Pelajar akan diletakkan di bawah PA yang berbeza bagi tahun pra klinikal dan klinikal.</u></p> <p>1.2 <u>Pelajar perlu meluangkan masa untuk berbincang tentang pelajaran, kerjaya dan sebagainya dengan membuat temu janji terlebih dahulu dengan PA masing-masing;</u></p> <p>1.3 <u>Pelajar dikehendaki berbincang dan mendapat persetujuan PA mengenai pendaftaran atau perubahan kursus pada setiap semester;</u></p> <p>1.4 <u>Pelajar perlu menemui PA sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap semester untuk membincangkan urusan pendaftaran dan kemajuan prestasi akademik;</u></p> <p>1.5 <u>Pelajar membuat permohonan kepada pihak TDAP/KPA fakulti jika ingin bertukar PA atau memaklumkan kepada pihak fakulti PA sekiranya PA tidak dapat dihubungi.</u></p>
2.	<p><u>Pendaftaran Kursus</u></p> <p>2.1 <u>Pelajar baharu diminta merujuk Buku Program Pengajian yang boleh diperoleh daripada laman web BAKD (https://akademik.upm.edu.my/pelajar-semasa-2955) atau skema/pelan pengajian yang diberi oleh pihak fakulti semasa minggu Putra Perkasa. Pelajar dinasihatkan mendapatkan kepastian daripada CALC bagi pakej yang betul berdasarkan keputusan ujian kemahiran Bahasa Inggeris seperti MUET, CIEP, IELTS, TOEFL, PTE atau mana-mana keputusan ujian kemahiran Bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh UPM;</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 4/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
2.2	<u>Semua pelajar baharu dikehendaki lulus pemeriksaan kesihatan sebelum dibenarkan mendaftar sebagai pelajar baharu Doktor Perubatan. Pendaftaran kursus boleh dibuat setelah mendapat pengesahan pendaftaran pelajar baharu;</u>
2.3	<u>pelajar baharu diberi kemudahan mendaftar kursus secara berpakej; kursus yang didaftar secara auto adalah merupakan kursus semester pertama yang disenaraikan mengikut skema/pelan pengajian;</u>
2.4	<u>Pelajar dikehendaki mendaftar mengikut skema pengajian yang ditetapkan. Pendaftaran kursus di luar skema pengajian perlu mendapat kebenaran PA jika jumlah kredit keseluruhan tidak melebihi 20 atau kebenaran Dekan jika jumlah kredit keseluruhan melebihi 20;</u>
2.5	<u>Pelajar boleh menyemak senarai kursus yang telah didaftar dalam SMP dan mencetak slip pendaftaran kursus sebagai rekod atau pelajar boleh menyimpan rekod tersebut dalam bentuk Pdf atau tangkap layar (<i>screenshot</i>) di telefon bimbit;</u> <u>Nota:</u> <u>Pelajar boleh menyemak senarai kursus yang telah didaftar dalam SMP setelah pendaftaran dibuat.</u>
2.6	<u>Pelajar baharu diberi masa selama dua (2) minggu mulai semester bermula untuk membuat permohonan pemindahan kredit. Permohonan hendaklah disokong dengan dokumen berkaitan bagi memudahkan pertimbangan dibuat. Syarat-syarat asas pemindahan kredit adalah:</u> (i) <u>Pemindahan kredit hanya dipertimbangkan bagi kursus pengajian yang sama dan lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C, atau kursus setara yang lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C+. Jumlah maksimum pemindahan kredit tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah jam kredit bergraduat untuk sesuatu program pengajian yang sedang diikuti daripada program diploma ke bachelor;</u>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 5/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(ii) <u>Semua permohonan pemindahan kredit perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada minggu kedua semester pertama pengajian seseorang pelajar itu;</u></p> <p>(iii) <u>Pemindahan kredit itu diasaskan kepada kursus demi kursus pengajian yang telah lulus dan tidak sebagai keseluruhan bagi sesuatu program pengajian. Pemindahan kredit sesuatu kursus pengajian dibenarkan hanya sekali sahaja bagi sepanjang program pengajiannya.</u></p>
2.7	<u>Pelajar perlu merujuk kepada TDAP untuk maklumat pendaftaran kursus termasuk tambah/gugur kursus;</u>
2.8	<u>Pendaftaran Kursus boleh dibuat melalui laman Web berikut: http://www.smp.upm.edu.my;</u>
2.9	<u>Maklumat Jadual Waktu Kuliah dan Amali boleh dicapai melalui laman Web fakulti (http://medic.upm.edu.my) sebelum semester bermula dan memaklumkan Fakulti jika terdapat sebarang masalah;</u>
2.10	<u>Pelajar lama yang tidak menjelaskan hutang tertunggak, tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus (sila rujuk Pejabat Bursar untuk keterangan lanjut);</u>
2.11	<p><u>Permohonan melalui SMP bagi:</u></p> <p>(i) <u>tarik diri boleh dibuat sepanjang semester. Walau bagaimanapun yuran pengajian yang telah dibayar pada semester itu hanya akan dikembalikan jika borang permohonan tarik diri dibuat dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester berkenaan. Pelajar boleh mengetahui keputusan permohonan menarik diri (berhenti) melalui SMP dalam tempoh lima hari setelah permohonan diterima dan pemakluman dibuat kepada pelajar melalui e-mel dan pelajar perlu mencetak surat keputusan melalui SMP.</u></p>

	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 6/12
		No. Semakan: 00
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Isu: 01
		Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR		



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
	<p>(ii) penangguhan pengajian boleh dibuat mulai minggu pertama hingga sebelum minggu peperiksaan akhir. Pelajar boleh mengetahui keputusan permohonan penangguhan pengajian melalui SMP dalam tempoh lima (5) hari setelah permohonan diterima dan pemakluman dibuat kepada pelajar melalui email dan pelajar perlu mencetak surat keputusan melalui SMP;</p> <p><u>Nota:</u> Peperiksaan akhir yang dimaksudkan adalah peperiksaan akhir semester bagi tahun satu dan tahun dua dan peperiksaan professional I dan II tidak termasuk peperiksaan akhir posting.</p> <p>2.12 Permohonan melalui SMP bagi:</p> <p>(i) Bertukar Program</p> <p>(a) Pelajar lama membuat permohonan melalui SMP dalam tempoh yang ditetapkan (sila rujuk notis yang dikeluarkan oleh BK & BAKD);</p> <p>(b) Pelajar lama dimaklumkan keputusan permohonan melalui pemakluman melalui email selewat-lewatnya sebelum akhir minggu pertama kuliah semester baharu bermula dan mencetak surat keputusan melalui SMP pada minggu pertama semester baharu bermula. Bagi permohonan yang tidak dipertimbangkan selepas minggu pertama semester baharu, akan diberi keputusan permohonan Tidak Berjaya;</p> <p>(ii) Pemindahan Kredit kerana pertukaran program dalam/luar universiti</p> <p>(a) Pelajar lama membuat permohonan melalui SMP dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester setelah mendapat kelulusan pertukaran program;</p>

 	PERKHIDMATAN UTAMA PRASISWAZAH	Halaman: 7/12
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	No. Semakan: 00
	Kod Dokumen: UPM/PU/PS/GP007	No. Isu: 01
	GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PRASISWAZAH) DOKTOR PERUBATAN UNTUK PELAJAR	Tarikh: 29/07/2022



<u>Bil</u>	<u>Tindakan</u>
